

KESALAHAN-KESALAHAN MATRIMONI DALAM KES  
PERCERAIAN DI LUAR MAHKAMAH DAN TANPA  
KEBENARAN MAHKAMAH : KAJIAN  
DI MAHKAMAH SYARIAH  
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN

MAZLAN BIN ABD. MANAN

JABATAN SYARIAH DAN UNDANG-UNDANG  
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR  
2010

KESALAHAN-KESALAHAN MATRIMONI DALAM KES  
PERCERAIAN DI LUAR MAHKAMAH DAN TANPA  
KEBENARAN MAHKAMAH : KAJIAN  
DI MAHKAMAH SYARIAH  
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN

MAZLAN BIN ABD. MANAN

JABATAN SYARIAH DAN UNDANG-UNDANG  
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR  
2010

KESALAHAN-KESALAHAN MATRIMONI DALAM KES  
PERCERAIAN DI LUAR MAHKAMAH DAN TANPA  
KEBENARAN MAHKAMAH : KAJIAN  
DI MAHKAMAH SYARIAH  
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN

MAZLAN BIN ABD. MANAN

DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK  
MEMENUHI KEPERLUAN BAGI IJAZAH  
SARJANA SYARIAH BAHAGIAN II  
(SECARA KURSUS DAN DISERTASI)

JABATAN SYARIAH DAN UNDANG-UNDANG  
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR  
2010

## ABSTRAK

Pada asasnya tidak ada *naş* yang jelas tentang hukum perceraian di luar Mahkamah di dalam al-Quran dan al-Sunnah, namun permasalahan ini telah berlaku sejak zaman berzaman sehingga mendesak *ūlamā'* memberi pandangan berdasarkan *naş-naş* yang berkaitan dengannya. Oleh kerana itu disertasi ini bertujuan mengemukakan suatu kajian tentang perceraian di luar Mahkamah dan tanpa kebenaran Mahkamah dari sudut pandangan *syara'* dan pelaksanaannya mengikut undang-undang di Malaysia, dengan rujukan khusus kepada kes-kes di Mahkamah Syariah di negeri Selangor. Enakmen Keluarga Islam Selangor 1984 (EUKIS), umpamanya telah mengadakan peruntukan khas kepada suami yang menceraikan isterinya dengan melafazkan *ṭalāq* dengan apa-apa bentuk di luar Mahkamah dan tanpa kebenaran Mahkamah di bawah seksyen 124 (EUKIS). Kajian ini menggunakan metod kajian lapangan dan perpustakaan, khususnya untuk mengkaji faktor berlaku perceraian tersebut dan konsep asas perceraian seperti mana yang dibincangkan oleh *fuqahā'* dalam kitab-kitab *fiqh*. Enakmen Keluarga Islam Negeri Selangor 1984, statistik perceraian dan kes-kes perceraian di luar Mahkamah dan tanpa kebenaran Mahkamah menjadi sebahagian rujukan dalam kajian ini. Kes-kes tersebut dikaji dan dianalisis untuk mendapatkan faktor berlaku perceraian di luar Mahkamah dan tanpa kebenaran Mahkamah. Hasil kajian mendapati masyarakat kurang pendedahan berkaitan kesalahan di bawah seksyen 124 EUKIS dan penalti yang dikenakan kepada suami yang melanggar seksyen ini adalah rendah. Selain itu, sistem penyampaian maklumat antara pihak pendaftaran perceraian dan pendakwa perlu dikemaskini untuk menangani isu ini supaya pasangan melakukan kesalahan di bawah seksyen 124 EUKIS tidak terlepas daripada tindakan. Walaupun masih terdapat kelemahan-kelemahan dalam pelaksanaan seksyen 124 EUKIS ini, ianya boleh diperbaiki untuk masa akan datang. Peruntukan ini sangat penting diteruskan dan perlu digunapakai untuk membendung perbuatan suami menceraikan isteri sewenang-wenangnya dan untuk menjaga masalah bekas isteri serta anak-anak agar tidak terabai.

## ABSTRACT

There is no specific *nas* (justification) provided in the Al-Quran and the Al-Sunnah with regards to divorce outside the Court without due permission. However, over the years this ongoing problem has led the scholars to view their justifications on the matter. In view of this, the purpose of this dissertation is to feature the study on divorce cases outside Court and without the Court's permission and its implementation to Malaysian law specifically in reference to cases from the Syariah Courts in Selangor. The Selangor Islamic Family Law Enactment 1984 for instance, as proposed by the Syariah Court has come up with a specific clause to address the issue where the husband divorces his wife by the pronouncement of *talāq* in any form outside the Court and without the permission of the Court under section 124. The research methodology used throughout the study was based on library and field research specifically discussing the factors of divorce cases and the basic cause of divorce cases as discussed by *fuqahā'* which is found in '*fiqh*' religious books. The Courts are part of the reference in the study. The mentioned cases were studied and analysed to gain insight on the factors that led to divorce cases outside the courts and without permission of the court. The findings of the study shows that the society is not fully exposed to offences under Section 124 and the penalties imposed on husbands are light. Besides that, the information input between the Courts' registrar and the prosecutor should be updated to curb this issue, thus those offenders who commit offence under section 124 should be penalised. In spite of the certain weaknesses in the implementation of section 124, improvement should be made from time to time. It is therefore important that this restriction be reinforced to deter the arising issues of husbands divorcing their wives at their free will as well as to protect the well-being of their wives' and the children concerned.

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah S.W.T., Tuhan pencipta sekalian alam kerana dengan izinnya penulis dapat menyiapkan kajian ini meskipun terpaksa menghadapi pelbagai cabaran.

Di dalam ruangan ini penulis mengucapkan terima kasih serta penghargaan kepada Prof. Madya Dr. Suwaid Bin Tapah selaku penyelia dari tahun 2005 hingga tahun 2007. Seterusnya terima kasih kepada Prof. Madya Dr. Raihanah Bt. Abdullah sebagai penyelia baru pada 2008 sehingga disertasi ini selesai, di atas segala pertolongan, bimbingan dan tunjuk ajar yang telah diberikan. Semoga Allah S.W.T. yang dapat membalasnya.

Penulis juga ingin merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada isteri dan anak-anak yang tidak pernah berputus asa memberi perangsang dan dorongan agar meneruskan penulisan ini.

Penghargaan dan terima kasih juga ditujukan kepada Dato' Zuhdi Bin Toha, Ketua Hakim Syarie Negeri Selangor, penolong-penolong pendaftar Mahkamah Syariah Shah Alam, Klang, Kuala Selangor dan Petaling Jaya atas kerjasama yang diberikan.

Sekian, wassalam.

Mazlan Bin Abd.Manan  
Lot 6219,  
Batu 1½, Jalan Kota Raja,  
41000 KLANG  
Selangor Darul-Ehsan

16 Mei 2010

## ISI KANDUNGAN

	Halaman
Tajuk	i
Abstrak	iii
Abstract	iv
Penghargaan	v
Isi Kandungan	vi
Senarai Statut	ix
Senarai Kes	x
Panduan Trasliterasi	xiii
Senarai Ringkasan	xiv
<b>BAB 1</b>	
<b>PENDAHULUAN</b>	1
1.1. Pendahuluan	2
1.2. Latar Belakang Masalah Kajian	2
1.3. Pernyataan Masalah Kajian	7
1.4. Objektif Kajian	8
1.5. Kepentingan Kajian	8
1.6. Skop Kajian	9
1.7. Metodologi Kajian	11
1.7.1. Metod Pengumpulan Data	11
1.7.1.1. Metod Dokumentasi	11
1.7.1.2. Kajian Perpustakaan	12
1.7.1.3. Metod Temubual	12
1.7.2. Metod Penganalisan Data	13
1.7.2.1. Metod Induktif	13
1.7.2.2. Metod Komparatif	13
1.8. Sorotan Kajian	14

## **BAB II**

<b>PERCERAIAN MENURUT PANDANGAN ISLAM</b>	19
2.1. Pendahuluan	20
2.2. Pengertian Perceraian	21
2.3. Syarat-syarat suami yang menjatuhkan <i>talāq</i>	23
2.4. Hukum menceraikan isteri	24
2.5. Bentuk-bentuk perceraian	30
2.6. Hikmah Pengsyariaan Perceraian	45
2.7. Kesimpulan	47

## **BAB III**

### **KES-KES BERKAITAN PERCERAIAN DI MAHKAMAH SYARIAH NEGERI SELANGOR**

49

3.1. Pendahuluan	50
3.2. Bidangkuasa mengenai perceraian	50
3.3. Peruntukan Undang-Undang Berkaitan Perceraian	52
3.4. Permohonan Perceraian	57
3.5. Statistik Perbicaraan Kes Berkaitan Perceraian Jabatan Kehakiman Syariah	60
3.5.1. Statistik Kes Selesai Perbicaraan 2005	60
3.5.2. Statistik Kes Tangguh Perbicaraan Tahun 2005	62
3.7. Kesimpulan	64

## **BAB IV**

### **PERCERAIAN LUAR MAHKAMAH DAN TANPA KEBENARAN MAHKAMAH SEKSYEN 124**

66

4.1. Pendahuluan	67
4.2. Proses Pengesahan Dan Pendaftaran Perceraian Luar Mahkamah	68
4.3. Statistik Kes Perceraian Luar Mahkamah	77
4.3.1. Statistik 2002	77
4.3.2. Statistik 2003	78



4.3.3. Statistik 2005	81
4.3.4. Statistik Kes Cerai Luar Mahkamah Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor Tahun 2005	82
4.4. Kesimpulan	82
<b>BAB V</b>	
<b>FAKTOR SERTA KESAN PERCERAIAN DI LUAR MAHKAMAH</b>	84
5.1. Pendahuluan	85
5.2. Faktor Perceraian Di Luar Mahkamah	85
5.3. Kesan Perceraian	92
5.4. Kesimpulan	97
<b>BAB VI</b>	
<b>PENUTUP</b>	98
6.1. Pendahuluan	99
6.2. Cadangan	99
6.3. Kesimpulan	108
<b>BIBLIOGRAFI</b>	112
<b>LAMPIRAN</b>	114

## **SENARAI STATUT**

Perlembagaan Persekutuan

Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan 1984)

Enakmen Jenayah Syariah Selangor (No. 9 Tahun 1995 1995)

Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Selangor (No.4/1984)

Enakmen Prosedur Mal Syariah Selangor (Enakmen No. 7 Tahun 1991)

Enakmen Prosedur Jenayah Syariah Selangor (Enakmen No. 6 Tahun 1991)

Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Keluarga Islam Selangor (Enakmen No.4 1984)

Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Keluarga Islam Selangor, 1992

Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Keluarga Islam Selangor, 2003

Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) Enakmen 4Tahun  
2003

Kaedah Peguam Syarie 1989 Negeri Selangor

Undang-Undang Pendaftaran Nikah Kahwin dan Cerai Orang-Orang Islam 1900 (Selangor)

## SENARAI KES

## MUKA SURAT

Pendakwa Syarie lawan Md. Fadzil bin Hj. Ahmad [Kes Jenayah Mahkamah Rendah Syariah Petaling Bil. : 25/92]	5
Pendakwa Syarie lawan Mohd. Aidil bin Abd. Razak [Kes Jenayah Mahkamah Rendah Syariah Petaling Bil. :1326/92]	5
Mohamed Huzaimi Bin Mohamed Hussein lawan Siti Rozidah Binti Sani @ Daud [Kes Mal Mahkamah Rendah Syariah Shah Alam Bil1342-09-93/2002]	31
Mohd Termizi Bin Khalip lawan Nor Sumaiyah Bt. Mohd Yahya [Kes Mal Mahkamah Rendah Syariah Klang Bil. 10003-054-188-2004]	63
Mohd. Sabrulaman Bin Che Noh lawan Norizan Binti Abdul Majid [Kes Mal Mahkamah Rendah Syariah Klang Bil. 054-177-2004]	65
Ahmad Danuri Bin Parman lawan Raja Rahimah Binti Raja Abdul Halim [Kes Mal Mahkamah Rendah Syariah Klang Bil. 054-165-2004]	65
Daud Bin Baki lawan Siti Mariam Bt. Ahmad [Kes Mal Mahkamah Rendah Syariah Klang, Bil : 054-141-2004]	69
Azmi Bin Mohd. Noor lawan Norafidah Bt. Sanusi [Kes Mal Mahkamah Rendah Syariah Klang, Bil : 054-144-2004]	69
Zaidah Binti Wakiman lawan Nor Azman Bin Daud [Kes Mal Mahkamah Rendah Syariah Klang Bil : 054-157-2004]	70
Mohammad Nasir Bin Abu Hassan lawan Aishah Binti Ibrahim [Kes Mal Mahkamah Rendah Syariah Klang Bil : 054-154-2004]	70
Normah Binti Sulaiman lawan Md. Sahak Bin Rujihan [Kes Mal Mahkamah Rendah Syariah Klang Bil : 054-144-2004]	70
Azian Binti Ahmad lawan Fauzuly Bin Yaakob [Kes Mal Mahkamah Rendah Syariah Petaling Jaya Bil. 80 Tahun 1998]	71
Pendakwa Syarie lawan Fauzuly Bin Yaakob [Kes Jenayah Mahkamah Rendah Syariah Shah Alam Bil. 10002-167-342/2006]	71
Mohd Termizi Bin Khalip lawan Nor Sumaiyah Bt. Mohd Yahya [Kes Mal Mahkamah Rendah Syariah Klang Bil :10003-054-188-2004]	72

Nor Hidayah Binti Bidin lawan Ismail Bin Che Deris [Kes Mal Mahkamah Rendah Syariah Klang Bil. 054-167-2004]	73
Wan Norziah Binti Tajudin lawan Syed Redhwan Bin Syed Ahmad [Kes Mal Mahkamah Rendah Syariah Klang Bil. 054-169-2004]	73
Nadzrin bin Mohd Nawawi lawan Pendakwa Syarie [Kes Jenayah Mahkamah Rendah Syariah Shah Alam Bil. 10002-167-362-2005]	74
Pendakwa Syarie lawan Mohd Johari bin Ahmad [Kes Jenayah Mahkamah Rendah Syariah Shah Alam Bil. 10002-167-0269-2005]	74
Pendakwa Syarie lawan Samsudin bin Hassan [Kes Jenayah Mahkamah Rendah Syariah Shah Alam Bil. 10002-167-341-2005]	85
Pendakwa lawan Mohd. Sambuti Bin Asngat [Kes Jenayah Mahkamah Rendah Syariah Shah Alam Bil. 10002-167-355-2005]	87
Pendakwa Syarie lawan Mohamed Huzaini bin Mohamed Hussein [Kes Jenayah Mahkamah Rendah Syariah Shah Alam Bil. 10002-167-344-2005]	87
Pendakwa Syarie lawan Razali bin Hamid [Kes Jenayah Mahkamah Rendah Syariah Shah Alam Bil. 10002-167-258-2005]	88
Pendakwa lawan Muhamad bin Mohamad Amin [Kes Jenayah Mahkamah Rendah Syariah Shah Alam Bil. 10002-167-373-2005]	88
Pendakwa Syarie lawan Nor Adnan bin Mohamed Noor [Kes Jenayah Mahkamah Rendah Syariah Shah Alam Bil. 10002-167-341-2005]	88
Pendakwa Syarie lawan Samsudin bin Hassan [Kes Jenayah Mahkamah Rendah Syariah Shah Alam Bil. 10002-176-371-2005]	88
Pendakwa Syarie lawan Mohd Azman bin Abdullah [Kes Jenayah Mahkamah Rendah Syariah Petaling Jaya Bil. 25/92]	88
Pendakwa Syarie lawan Md.Fadzil bin Hj.Ahmad [Kes Jenayah Mahkamah Rendah Syariah Shah Alam Bil. 10002-167-411-2005]	89
Pendakwa Syarie lawan Ramli bin Mohd Said [Kes Jenayah Mahkamah Rendah Syariah Shah Alam Bil. 10002-167-342-2005]	89
Pendakwa Syarie lawan Faizuly bin Yaakob [Kes Mal Mahkamah Rendah Syariah Petaling Jaya Bil. 80 Tahun 1998]	89

Mohammad Ridza bin Mukhtar lawan Mizana binti Muhamad  
[Kes Mal Mahkamah Rendah Syariah Petaling Jaya Bil. 1342-09-18/2000]

104

## PANDUAN TRASLITERASI

### Huruf Arab      Nama dan Transkripsi

ا ء	:	a, '(Hamzah)
ب	:	b
ت	:	t
ث	:	th
ج	:	j
ح	:	h
خ	:	kh
د	:	d
ذ	:	dh
ر	:	r
ز	:	z
س	:	s
ش	:	sy
ص	:	ṣ
ض	:	ḍ
ط	:	t
ظ	:	z
ع	:	'
غ	:	gh
ف	:	f
ق	:	q
ك	:	k
ل	:	l
م	:	m
ن	:	n
ه	:	h
و	:	w
ي	:	y
ة	:	h

### Vokal Panjang

آ	:	ā
و	:	ū
ى	:	ī

### Vokal Pendek

َ	(fatḥah)	a
ُ	(dammah)	u
ِ	(kasrah)	i

### Diftong

أو	:	aw
أى	:	ay
يى	:	iyī
وو	:	uww

## SENARAI RINGKASAN

EUKIS	Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Selangor
ICT	Information and Communication Technology
JAIS	Jabatan Agama Islam Selangor
JAKESS	Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor
JAKIM	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
OKT	Orang Kena Tuduh ( Tertuduh )
SMS	Short Message Service

**BAB I**  
**PENDAHULUAN**



## **1.1. Pendahuluan**

Perceraian bukan satu perkara baru dalam mana-mana kelompok masyarakat, bangsa dan agama. Di negeri Selangor, peruntukan berkaitan perceraian telah dijelaskan dalam Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Selangor 1984. Perbezaan kadar rendah atau tinggi peratusan perkara itu berlaku bergantung kepada faktor-faktor yang tersendiri yang akan dikaji dalam penulisan ini.

## **1.2. Latar Belakang Masalah Kajian**

Statistik perceraian di negeri Selangor menunjukkan satu angka yang agak tinggi setiap tahun dan semakin meningkat terutama sekitar tahun 2002 hingga tahun 2007, apabila dibandingkan dengan kadar perceraian di negeri-negeri lain di Malaysia, dan dalam tempoh tersebut juga negeri Selangor adalah negeri yang tertinggi kadar perceraian. Secara rawak terdapat setiap hari perceraian di negeri Selangor. Sebagai contoh, statistik perceraian yang dikeluarkan oleh Cawangan Maklumat Bahagian Perkhidmatan ICT, JAKIM, pada tahun 2002 sebanyak 1,977, 2003 sebanyak 3,158, pada tahun 2004 sebanyak 3,136, seterusnya pada tahun 2005 sebanyak 3,030, kadar ini meningkat kepada 3,295 kes pada tahun 2006 dan terus meningkat kepada 3,722 kes pada tahun 2007<sup>1</sup>. Perceraian tersebut sama ada berlaku mengikut prosedur atau berlaku di luar Mahkamah dan tanpa mengikut prosedur yang telah dikuatkuasakan. Peningkatan statistik perceraian yang berlaku akan memberi sumbangan kepada pertambahan kes-kes perbicaraan di Mahkamah Syariah di negeri Selangor, di

---

<sup>1</sup> Statistik yang dikeluarkan oleh Cawangan Maklumat Bahagian Perkhidmatan ICT, JAKIM, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Wilayah Persekutuan Putrajaya, 7 Januari 2008.

samping kes-kes perbicaraan lain yang ditanggung oleh pihak Mahkamah. Ini kerana, setiap perceraian yang berlaku dalam kalangan masyarakat di negeri ini perlu didaftarkan sebagaimana yang dikehendaki oleh seksyen 51 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Selangor 1984. Proses pendaftaran itu adalah melalui prosiding Mahkamah sebelum sesuatu perceraian yang berlaku itu didaftarkan di pejabat agama Islam daerah masing-masing. Lanjutan daripada itu, bagi kesalahan melakukan perceraian di luar Mahkamah dan tanpa kebenaran Mahkamah, akan melalui prosiding kali kedua yang dibawa oleh pihak pendakwa syarie atas kesalahan di bawah seksyen 124 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Selangor 1984 atau (pindaan) seksyen 125 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Selangor 2003 iaitu Perceraian Di Luar Mahkamah dan Tanpa Kebenaran Mahkamah. Peruntukan mengenai tegahan melakukan perceraian di luar Mahkamah atau tanpa kebenaran Mahkamah telah berkuatkuasa melalui enakmen ini menjangkau lebih dua puluh tahun iaitu sejak 1984 hingga sekarang.

Perceraian di luar Mahkamah dan tanpa kebenaran Mahkamah masih berlaku mempunyai sebab-sebab tersendiri yang perlu ditangani segera dengan bijak dan berkesan. Apabila ada kajian tentang sebab-sebab kesalahan serupa berulang, pihak-pihak yang dipertanggungjawabkan seperti Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) serta agensi-agensi di bawahnya boleh merangka pelan tindakan serta strategi yang difikirkan sesuai untuk mengatasinya. Melalui usaha dan komitmen pihak-pihak ini, diharapkan dapat menghindarkan masyarakat melanggar seksyen 124 ini, selain itu pihak Mahkamah Syariah juga dapat meminimalkan kes-kes tertangguh yang menjadi isu berbangkit di Malaysia.

Kesalahan ini masih berlaku antara faktor penyumbanganya ialah peranan yang dimainkan oleh pihak JAIS memberi kefahaman dalam perkara ini sangat kurang, atau hampir tidak ada. Walau bagaimanapun, sesuatu peruntukan undang-undang yang diluluskan tidak perlu kepada penerangan atau pengumuman secara berpanjangan. Oleh itu adalah bukan menjadi satu ketidakadilan kepada pihak Mahkamah dalam menjatuhkan hukuman kepada tertuduh jika sabit dengan kesalahan itu.

Masih terdapat masyarakat Melayu tidak begitu peka dengan undang-undang Syariah dan terdapat segelintir daripada mereka yang memandang Mahkamah Syariah sebagai mahkamah kelas dua<sup>2</sup>. Mereka lebih berhati-hati dengan kesalahan-kesalahan di bawah bidang kuasa Mahkamah Sivil dan lebih menghormati institusi kehakiman Sivil<sup>3</sup>.

Keadaan ini berlarutan walaupun institusi Mahkamah Syariah telah lama wujud dan mempunyai kredibilitinya tersendiri. Jabatan agama negeri perlu mengadakan program-program penerangan melalui kepelbagaian teknik dan pendekatan, agar masyarakat Islam di negeri Selangor lebih jelas serta faham mengenai larangan yang terkandung di bawah seksyen 124 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Selangor 1984 atau (pindaan) seksyen 125 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Selangor 2003 iaitu Perceraian Di Luar Mahkamah dan Tanpa Kebenaran Mahkamah. Sekarang ini, kuliah-kuliah yang disusun di

---

<sup>2</sup> Utusan Malaysia, halaman Bicara Agama, 26 Disember 2006

<sup>3</sup> Temubual dengan Penolong Pendaftar MRS Shah Alam pada 6 Jun 08

masjid-masjid dan surau-surau, tidak terdapat usaha ke arah tersebut. Perkara ini diakui sendiri oleh pegawai-pegawai dari Unit Nikah dan Cerai Daerah Klang (yang bertanggungjawab mengendalikan kursus pra-perkahwinan)<sup>4</sup>. Menurut Penolong Pendaftar Mahkamah Rendah Syariah Shah Alam, hanya di Masjid Negeri di Shah Alam saja yang menjemput salah seorang daripada pegawai mahkamah untuk memberi kuliah berkaitan Mahkamah Syariah, melalui slot kuliah bulanan sekitar akhir tahun 90-an.

Semua situasi yang berlaku di atas adalah antara penyumbang kepada statistik kesalahan perceraian luar Mahkamah dan tanpa kebenaran Mahkamah masih berlaku. Sekiranya dibuat secara perbandingan dengan kes-kes tangkapan atas kesalahan jenayah lain, setelah pertuduhan di bawah seksyen 124 ini dibaca, tertuduh mengaku salah. Setelah itu, tertuduh meminta Mahkamah meringankan hukuman atas alasan mereka tidak tahu adanya peruntukan melarang perbuatan melakukan perceraian di luar mahkamah. Dalam kes *Pendakwa Syarie lawan Md. Fadzil bin Hj. Ahmad*<sup>5</sup>, tertuduh meminta hukuman diringankan atas alasan beliau tidak tahu dengan undang-undang melarang perceraian di luar mahkamah. Dalam kes *Pendakwa Syarie lawan Mohd. Aidil bin Abd. Razak*<sup>6</sup>, setelah tuduhan dibaca oleh pendakwa, tertuduh mengaku salah. Dalam rayuan kepada hakim, tertuduh meminta hukuman diringankan dengan memberi alasan bahawa beliau tidak tahu sekiranya ingin bercerai mesti rujuk kepada Mahkamah. Walaupun tertuduh membuat alasan

---

<sup>4</sup> Temubual dengan Pegawai Unit Undang-Undang Pejabat Agama Islam Daerah Klang pada 17 Julai 2008

<sup>5</sup> Kes Jenayah Mahkamah Rendah Syariah Petaling Bil. : 25/92

<sup>6</sup> Kes Jenayah Mahkamah Rendah Syariah Petaling Bil. :1326/92

tersebut, hakim bicara, Yang Arif Tuan Haji Bajuri bin Mohd. Toha telah mensabitkan hukuman denda sebanyak RM 350.00. Pasangan yang berkahwin sebelum bermulanya program Kursus Pra-Perkahwinan iaitu sebelum tahun 1988, mereka tidak didedahkan dengan undang-undang berkaitan kekeluargaan Islam. Secara jujurnya jawapan tersebut perlu kepada usaha-usaha penerangan yang berterusan dan berkesan, walaupun secara teorinya undang-undang tidak perlu kepada tertuduh tahu atau tidak tahu tentang sesuatu peruntukan itu.

Selain faktor di atas, terdapat juga pasangan suami dan isteri khususnya, dan masyarakat secara umumnya tidak mahu mengambil tahu mengenai peruntukan yang ada atau kurang mendapat penjelasan daripada Jabatan Agama Islam, yang menjadi menyumbang kepada berulangnya pelanggaran seksyen 124 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Selangor 1984 atau (pindaan) seksyen 125 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Selangor 2003 iaitu Perceraian Di Luar Mahkamah dan Tanpa Kebenaran Mahkamah. Antaranya sebab berlaku sedemikian ialah kesibukan dengan urusan kehidupan, tekanan daripada masalah kewangan dan dihambat oleh arus pemodenan yang bergerak terlalu pantas, terutamanya pasangan yang tinggal di bandar yang pesat membangun seperti Lembah Klang.

Selain daripada itu, kesalahan ini sering berlaku dalam kalangan pasangan yang berkahwin ketika usia terlalu muda. Golongan ini masih terikut-ikut dengan cara hidup mereka seperti sebelum berkahwin yang mementingkan hiburan dan keseronokan hidup. Pasangan yang berkahwin ketika usia masih muda lebih mudah

terpengaruh dengan gejala sosial dan mereka gagal untuk menangkis ledakan budaya barat yang menular dalam masyarakat remaja<sup>7</sup>. Golongan ini sering kali dikaitkan dengan kurangnya sifat sabar sehingga tidak dapat mengawal tekanan emosi yang melanda diri mereka. Akibat kurangnya jati diri sebagai Islam sejati, pasangan ini akhirnya menjadikan perceraian sebagai perkara biasa dan bebas melafazkan *talāq* di mana-mana, sebagai jalan untuk menukar pasangan yang difikir sesuai dengan budaya hidup masing-masing.

### **1.3. Pernyataan Masalah Kajian**

Berdasarkan latar belakang masalah kajian di atas, yang menjadi fokus kepada kajian ini ialah seperti berikut;

1. Samada pasangan Islam tidak peka dengan undang-undang berkaitan.
2. Kurang penerangan daripada pihak berkenaan seperti JAIS.
3. Penalti yang dikenakan terlalu rendah atau tidak dikenakan tuduhan di bawah seksyen 124 EUKIS
4. Pengaruh atau kesan langsung atau tidak langsung daripada ledakan gejala sosial.
5. Langkah-langkah mengatasinya.

---

<sup>7</sup> Temuramah bersama Pegawai Tadbir Agama Islam Daerah Klang, pada 06 hb. 02 2007.

#### **1.4. Objektif Kajian**

Berdasarkan masalah yang dinyatakan di atas, objektif utama kajian ini ialah untuk :

1. Mengenalpasti permasalahan dalam kalangan pasangan yang melakukan perceraian di luar Mahkamah dan tanpa kebenaran Mahkamah.
2. Mengkaji peranan serta kaedah-kaedah yang dimainkan oleh Jabatan Agama Islam dalam menjelaskan kesan-kesan yang akan ditanggung sekiranya melakukan perceraian di luar Mahkamah.
3. Menganalisis statistik perceraian di luar Mahkamah dan tanpa kebenaran Mahkamah yang didaftarkan diambil tindakan di bawah seksyen 124 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Selangor 1984.
4. Menilai peruntukan seksyen 124 dalam EUKIS dengan beberapa kelemahan dan kekuatan , khususnya setelah ia mula berkuatkuasa di samping mengurangkan kes-kes tertangguh.

#### **1.5. Kepentingan Kajian**

Dapatan dalam kajian ini penting bagi membantu pihak berkuasa agama di peringkat negeri untuk mempertingkatkan keberkesanan pelaksanaan seksyen 124 EUKIS dan seterusnya menentukan pelaksanaannya seiring dengan kes sebenar yang berlaku dalam masyarakat.

Kajian ini juga penting untuk memberi maklum balas kepada Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor dalam mengenalpasti kelemahan-kelemahan dalam pelaksanaan peruntukan seksyen 124 dan, seterusnya memperbaiki kelemahan-kelemahan tersebut dan membuat pindaan undang-undang (sekiranya perlu) bagi melicinkan lagi proses penyelesaian kes-kes berkaitan.

Selain itu, kajian ini dapat menjelaskan kekeliruan pasangan suami isteri atau masyarakat di negeri Selangor umumnya tentang kesan-kesan pelanggaran seksyen tersebut. Berdasarkan kefahaman itu, tanggapan negatif masyarakat umum terhadap proses penyelesaian kes-kes perceraian di luar Mahkamah yang melalui prosedur yang panjang, dapat diubah dan seterusnya meningkatkan lagi keunggulan perundangan syariah yang sedang dijalankan.

## **1.6. Skop Kajian**

Skop kajian ini hanya berkisar tentang prinsip-prinsip asas *talāq* yang kaitkan dengan kitab-kitab *fiqh*, dalil-dalil ayat al-Quran dan hadis yang menyentuh tentang proses-proses perceraian. Perkaitan ini dilakukan bagi menjelaskan elemen-elemen proses perceraian yang ada pada hari ini menepati prinsip-prinsip dalam Islam. Perbincangan ini dibuat untuk melihat sejauhmana bentuk-bentuk perceraian dalam Islam di amalkan di Mahkamah Syariah Negeri Selangor.



Perbincangan juga merujuk kepada bidangkuasa Mahkamah Syariah Negeri Selangor tentang perintah pendaftaran kes-kes perceraian di luar Mahkamah yang dirujuk kepadanya serta tindakan di bawah seksyen 124 EUKIS. Analisis juga dibuat terhadap kes-kes melakukan perceraian di luar Mahkamah yang dibicarakan untuk proses pendaftaran perceraian di bawah seksyen 51, tetapi tidak diambil tindakan seterusnya di bawah seksyen 124.

Rujukan kes dan statistik berkaitan perceraian diambil dari tahun 1994 hingga 2005, namun bukan secara terperinci kerana kekangan masa dan bilangan kes yang banyak. Kes dan statistik yang dipetik sebagai pengukuhan dan relevan kepada fakta yang dinyatakan. Tumpuan kajian juga dilakukan kepada aspek prosedur kes-kes perceraian yang dibicarakan untuk pendaftaran perceraian melalui peruntukan yang ada dalam EUKIS. Tajuk asal kajian ialah meliputi Mahkamah-Mahkamah Syariah di negeri Selangor, walaupun JAKESS mengandungi dua belas buah Mahkamah, pemilihan beberapa buah Mahkamah sahaja dilakukan. Ini adalah disebabkan sukar mendapat kerjasama daripada Penolong Pendaftar Mahkamah Rendah yang mengendalikan urusan berkaitan kes ini, maka kajian ini hanya tertumpu kepada kes-kes perceraian di luar Mahkamah yang dibicarakan di Mahkamah Rendah Syariah Klang, Mahkamah Rendah Syariah Shah Alam, Mahkamah Rendah Syariah Petaling Jaya dan Mahkamah Rendah Syariah Kuala Selangor. Segala statistik pula diperolehi daripada JAKESS di Bangunan Mahkamah Tinggi Shah Alam.

## **1.7. Metodologi Kajian**

Dalam usaha membuat kajian ini, penulis telah menggunakan beberapa metod penyelidikan. Pada dasarnya, kajian ini menggunakan dua metod iaitu Metod Pengumpulan Data dan Metod Penganalisan Data seperti berikut;

### **1.7.1. Metod Pengumpulan Data**

Dalam melaksanakan metod pengumpulan data, penulis menggunakan kaedah-kaedah kajian perpustakaan dan kajian lapangan seperti temubual dan semakan fail-fail kes berkaitan.

#### **1.7.1.1 Metod Dokumentasi**

Metod ini adalah method utama dalam usaha untuk mengumpul dan mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan kajian. Kajian dibuat dengan merujuk kepada pihak Mahkamah Syariah di negeri Selangor. Kaedah ini digunapakai untuk mendapat maklumat melalui surat pekeliling, rekod- rekod penghakiman dan keputusan Mahkamah. Rujukan secara langsung kepada sumber di atas untuk melihat dengan jelas lagi cara pengendalian kes-kes tersebut. Selain itu untuk mengkaji bagaimana peruntukan undang-undang berkaitan yang sedia ada digunapakai secara praktikal.

### **1.7.1.2 Kajian Perpustakaan**

Selain metod dokumentasi, penulisan ini menggunakan metod kajian perpustakaan untuk mengenalpasti konsep asas berkaitan persoalan yang dikaji kerana kebanyakannya terkandung dalam kitab-kitab *fiqh* yang boleh didapati di perpustakaan. Kaedah asal yang dikaji ialah berkaitan perceraian, untuk mendapatkan maklumat yang lebih jelas dan memastikan pemahaman yang menyeluruh tentang perkara yang dikaji, maka bahan-bahan seperti tafsir al-Quran dan hadis Sahih Bukhari, buku-buku, penulisan ilmiah, statut dan jurnal turut digunapakai. Setelah meneliti dan mendalami asas-asas kajian seperti pengertian serta konsep perceraian, langkah seterusnya ialah penulis merujuk kepada persoalan yang dikaji.

### **1.7.1.3. Metod Temubual**

Temubual adalah suatu kaedah pengumpulan data yang lazim digunakan secara meluas oleh para pengkaji terutama dalam kajian kes. Dalam membuat kajian ini, penulis menggunakan metod temubual untuk mendapatkan maklumat yang tidak ada dalam mana-mana dokumentasi dan fail-fail kes. Temubual diadakan dengan Penolong Pendaftar Mahkamah Rendah Syariah, Pegawai Unit Kaunseling Pejabat Agama Islam Daerah dan Hakim Mahkamah Rendah Syariah.

## **1.7.2. Metod Penganalisan Data**

Dalam proses membuat analisa data, penulis hanya menggunakan dua kaedah sahaja seperti berikut;

### **1.7.2.1. Metod Induktif**

Kaedah ini digunakan untuk sampai kepada suatu kesimpulan serta rumusan beraskan fakta-fakta dan data-data yang khusus kepada umum telah digunakan dalam kajian ini. Data-data tersebut dianalisa secara berterusan sehingga mewujudkan rumusan yang jelas dan mampu dijadikan sebagai bukti yang sah. Rekod-rekod kes Mahkamah dan juga maklumat yang diperolehi hasil temubual dengan pihak Mahkamah telah digunakan dalam tujuan ini.

### **1.7.2.2. Metod Komparatif**

Data-data dan fakta-fakta yang ada akan dibandingkan untuk menentukan fakta yang mana lebih utama dan dominan. Data terkumpul dan yang diperolehi daripada kes-kes mahkamah akan dianalisis secara perbandingan untuk membuktikan hipotesis awal terutamanya sebab-sebab berlakunya perceraian di luar mahkamah dan pelanggaran seksyen 124 EUKIS serta mekanisme penyelesaian oleh pihak JAIS bagi menyelesaikan kemelut ini tidak berlarutan.

## 1.8. SOROTAN KAJIAN

Persoalan yang berkaitan dengan perceraian telah diterangkan oleh Al-Imam Abu Abdullah Muhammad bin Idris As-Syafie (240H) dalam kitab Al-Umm, iaitu Kitab Induk yang menjadi rujukan umat Islam di kebanyakan negara seperti di Malaysia. Isu-isu mengenai *ṭalāq* telah dimuatkan dalam juzuk ke lapan. As-Syafie telah meletakkan bagaimana tata cara melakukan *ṭalāq*, bahagian-bahagian *ṭalāq* dan kesan-kesan selepas berlaku perceraian. Apa yang dikemukakan oleh As-Syafie boleh menjadi panduan kepada umat Islam di Malaysia untuk mengeluarkan hukum *fekah* mengikut acuan sendiri yang bersesuaian dengan persekitaran, arus pemodenan dan budaya hidup masyarakat setempat.

Topik perbincangan mengenai perceraian juga memang banyak telah dijelaskan oleh para *fuqahā'* sejak dulu lagi. Para *fuqahā'* tersohor zaman silam seperti Ibn 'Abidin, Ibn Rushd, al-Syirazi, Ibn Qadāmah dan lain-lain menerangkan secara menyeluruh dalam kitab-kitab mereka. Alasan dan persoalan yang dibincangkan oleh mereka menjurus kepada satu kesimpulan yang banyak kedapatan persamaan antara satu sama lain.

Dalam perkara ini juga, al-Zuhaili telah meletakkan satu perbandingan antara mazhab, dalam kitab karangannya iaitu *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhā*. Keempat-empat mazhab *fekah* aliran al-Sunnah wal Jamaah ini membincangkan konsep perceraian dari sudut istilah yang dikeluarkan daripada lafaz *ṭalāq*, tanpa membahaskan berkaitan prosedur *ṭalāq* sama ada dilakukan dengan kebenaran

mahkamah atau secara di luar mahkamah.. Kesemua pendapat tersebut dapat dirumuskan iaitu perceraian merupakan satu pembatalan nikah kahwin antara suami dan isteri.

Di Malaysia memang banyak penulisan sama ada dalam bentuk buku, artikel dan kertas-kertas kerja mengenai tajuk perceraian. Antaranya ialah seperti Profesor Tan Sri Ahmad Ibrahim (Allahyarham), Profesor Datuk Dr. Harun Din, Profesor Dato' Dr. Mahmood Zuhdi Bin Abdul Majid dan lain-lain. Selain itu terdapat penulis-penulis yang terdiri daripada mereka yang arif mengenai undang-undang keluarga seperti Tuan Haji Salleh Buang, seorang peguam yang sering menulis dalam ruangan Peguam Menulis di Utusan Melayu sekitar tahun 90-an, Tuan Haji Said Ibrahim (Allahyarham), iaitu bekas Mufti Negeri Sabah, yang membicarakan tentang perceraian dalam penulisan mereka.

Di antara penulisan berbentuk buku yang ditulis oleh Profesor Dato' Dr. Mahmood Zuhdi dan Raihanah Hj. Azahari, yang bertajuk Undang-Undang Keluarga Islam - Kosep Dan Perlaksanaan Di Malaysia. Di bawah tajuk Pembubaran Perkahwinan umpamanya, ada menyentuh secara sedikit mengenai cara-cara melakukan perceraian di tiap-tiap negeri di Semananjung Malaysia. Dalam kajian ini penulis telah mengembangkan kajian beliau dalam konteks yang berbeza. Penulis telah melihat perceraian mengikut hukum syarak serta pemakaiannya dalam undang-undang di Malaysia. Penulis lebih menjurus kepada keperluan pemakaian undang-undang berkaitan perceraian di negeri-negeri di Malaysia pada masa kini. Pandangan

yang menyokong penerusan pemakaiannya dikemukakan. Antara contoh negeri yang dikemukakan oleh penulis ialah di negeri Selangor terdapat peruntukan bahawa setiap perceraian mestilah didaftarkan. Mana-mana perceraian pun tidak akan diakui sah jika ia tidak dilakukan di hadapan kadi dan kedua-dua pihak yang hendak bercerai itu belum memenuhkan borang perceraian. Dalam penulisan-penulisan ini tidak membicarakan mengenai sebab-sebab berlaku perceraian di luar mahkamah.

Memang banyak sekali penulisan yang menyentuh berkaitan perceraian sejak dari *ulamā'* silam hingga ke hari ini, seperti yang dinyatakan di atas. Semua penulisan ini penting dan menjadi perbendaharaan *fiqh* samada ianya tergolong dalam nilai sejarah, nilai klasik atau nilai kontemporari. Sesetengahnya ada yang membicarakan secara khusus dalam sebuah buku dan ada yang menulis di bawah tajuk kecil dalam bab-bab tertentu. Kesemua kitab atau buku ini, dari ketiga-tiga katogeri yang disebutkan itu, amat berharga untuk menjadi panduan kepada umat Islam secara global, khasnya untuk tanah air Malaysia.

Sungguhpun begitu, dalam tajuk perceraian ini masih ada ruang untuk dikaji. Walaupun sudah banyak penulisan dan perbincangan mengenainya samada dalam kitab mahupun artikel. Di antara ruang tersebut ialah sebab-sebab berlaku perceraian di luar Mahkamah. Punca berlaku perceraian sekarang makin berbeza dan lebih kompleks berbanding zaman sebelumnya. Cara perceraian dilakukan turut mengalami perubahan seiring dengan zaman siber dan perkembangan teknologi maklumat (ICT), seperti perceraian melalui pesanan ringkas (SMS) dengan

menggunakan telefon bimbit dan faksimili. Pihak suami mengambil jalan mudah menceraikan isterinya melalui kemudahan tersebut.

Kes-kes perceraian yang berlaku dalam masyarakat di Selangor terdapat sebahagian daripadanya adalah perceraian yang terjadi tanpa kebenaran pihak Mahkamah. Kebanyakan kes sedemikian dapat dikesan oleh pihak berkuasa apabila pasangan tersebut ingin melakukan pendaftaran pengesahan perceraian yang diajukan terlebih dahulu kepada Jabatan Agama Islam di daerah masing-masing. Punca-punca berlaku keadaan sedemikian perlu dilihat dalam dua sudut yang berlainan, iaitu sudut kefahaman masyarakat mengenai undang-undang yang ada, dan satu sudut lain lebih kepada peranan pihak kerajaan melalui agensinya dalam usaha menjelaskan perkara tersebut dari segi undang-undang. Di negeri Selangor perceraian di luar Mahkamah diletakkan di bawah peruntukan seksyen 124 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Selangor No. 4 1984 kemudiannya dipinda kepada seksyen 125 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Selangor 2003.

Oleh kerana kajian akan dibuat di Mahkamah-Mahkamah di negeri Selangor, maka lebih banyak lagi temuramah dan perbincangan dengan pihak Mahkamah seperti pegawai-pegawai pendaftar Mahkamah. Selain daripada itu, kajian terhadap keputusan-keputusan mahkamah dengan cara mengkajinya melalui fail-fail kes yang telah selesai perbicaraan akan dijalankan. Semoga dengan ada kajian seperti ini akan menambah lagi koleksi yang berkaitan dengan tajuk perceraian. Selain itu ianya juga



boleh menjadi sebahagian daripada panduan untuk mengurangkan kes-kes perceraian di luar Mahkamah.

## **BAB II**

### **PERCERAIAN MENURUT PANDANGAN ISLAM**

## 2.1. Pendahuluan

Perkahwinan adalah satu ikatan persetujuan yang dimeterai melalui akad nikah untuk hidup bersama antara seorang lelaki dengan seorang perempuan. Kedua-dua belah pihak mengharapkan agar persetujuan yang mereka lakukan dapat bertahan hingga ke akhir hayat masing-masing. Ikatan ini adalah satu tindakan yang suci, menjadi salah satu sunnah Rasulullah S.A.W. bagi menghalalkan pergaulan antara kedua-dua mereka agar melahirkan zuriat keturunan umat Nabi Muhammad S.A.W. di muka bumi ini. Seterusnya tugas mengekalkan ikatan perkahwinan di antara pasangan suami dan isteri adalah suatu amanah daripada Allah SWT. Islam mengatur cara hidup berumah tangga supaya pasangan suami isteri mengecapi keharmonian berumah tangga.

Sesuatu perceraian dan keruntuhan sesebuah rumah tangga berlaku adalah merupakan perkara biasa dan lumrah berlaku kepada pasangan hidup suami isteri, tetapi paling dibimbangkan sekiranya boleh menimbulkan pelbagai implikasi daripada perceraian tersebut<sup>8</sup>. Perceraian bukanlah suatu perkara yang boleh dipandang mudah, perbuatan tersebut tidak digalakkan oleh agama Islam. Islam hanya membenarkan perceraian, jika kedua pasangan suami dan isteri telah berusaha bersungguh-sungguh untuk mendapatkan bantuan dan nasihat yang diperlukan, sehingga tiada lagi jalan penyelesaian serta ruang bagi mengatasi permasalahan mereka untuk berdamai. Jika segala usaha telah mereka lakukan, namun rumah

---

<sup>8</sup> Ishak Din, Haron Din, Abu Hassan Din (1992), *Soal Jawab Fiqh Harian*, Hizbi, h.324

tangga mereka masih tidak dapat diselamatkan, maka Islam mengizinkan pasangan tersebut melakukan perceraian secara baik dan mengikut adab serta hukum yang digariskan oleh Syarak. Perceraian merupakan perkara yang halal tetapi paling dibenci oleh Allah.

## 2.2. Pengertian Perceraian

Perceraian disebut dalam ilmu *fiqh Munākahāt* sebagai *ṭalāq*. Perkataan *ṭalāq* adalah diambil daripada perkataan Arab, menurut bahasa ialah menghuraikan satu ikatan. Maksud yang dikehendaki di sini ialah melepaskan ikatan perkahwinan yang diikat melalui akad pernikahan antara suami dan isteri. Perceraian dimaksudkan sebagai menghuraikan ikatan perkahwinan antara suami dan isteri dengan lafaz *ṭalāq*<sup>9</sup>. Pelbagai pengertian mengenai perceraian telah diberikan oleh keempat-empat mazhab dan para ulama *fiqh*.

Menurut Imam Syafie , perceraian ialah menghuraikan atau melepaskan ikatan perkahwinan dengan menggunakan lafaz *ṭalāq*, atau perkataan yang mempunyai pengertian yang seumpamanya<sup>10</sup>. Bagi Imam Hanafi pula, memberi pengertian iaitu, menghuraikan ikatan perkahwinan pada masa sekarang atau masa hadapan dengan perkataan tertentu<sup>11</sup>. Mengikut Hanafi perceraian itu hanya dengan

---

<sup>9</sup> Abdul Rahman al-Jāziri (1979), *Kitāb al-Fiqh Āla al-Madhāhib al-Arba`ah*, al-Maktabah al-Tijāriyah al-Kubra, Mesir, j.4, h. 296.

<sup>10</sup> Al-Syarbini al-Khātīb (1958), *Mughnī al-Muntaaj*, j.3, h. 279.

<sup>11</sup> al-Jāziri (1979), *op.cit.*, h.279.

perkataan *ṭalāq* sahaja, tidak dengan perkataan-perkataan lain sebagaimana dalam pendapat Imam Syafie.

Imam Hanafi merumuskan perceraian ialah, menghuraikan ikatan perkahwinan pada masa sekarang atau masa akan datang dengan perkataan tertentu. Mengikut Imam Hanafi perceraian hanya berlaku dengan lafaz *ṭalāq* sahaja, tidak dengan perkataan-perkataan lain sebagaimana pendapat mazhab al-Syafie. Menurut Imam Malik perceraian ialah , suatu hukum yang mengangkat sifat halal seorang suami untuk bersedap-sedap dengan isterinya. Sementara itu Imam Hanbali menyimpulkan bahawa perceraian ialah menghuraikan ikatan perkahwinan atau setengahnya dengan *ṭalāq bain* dan setengahnya dengan *ṭalāq raji'i*.

Melihat kepada pengertian yang diberikan oleh keempat-empat mazhab di atas, dapatlah difahami bahawa perceraian merupakan satu pembatalan ikatan perkahwinan di antara suami dan isteri. Kontrak perkahwinan melalui akad nikah menjadi batal dengan berlakunya lafaz *ṭalāq* atau lafaz-lafaz yang jelas difahami dari segi bahasanya menunjukkan seerti dengan *ṭalāq*. Andai kata perkataan yang dilafazkan oleh suami dalam bentuk sindiran atau *kinayah*, dalam keadaan tersebut perlu kepada niat *ṭalāq* daripada suami. Pada keseluruhannya, perceraian dapatlah dikatakan sebagai pembubaran perkahwinan melalui pemecahan kontrak nikah kahwin antara suami dan isteri dengan satu lafaz tertentu yang dapat difahami sebagai *ṭalāq*.

Daripada pengertian tersebut, jelas menunjukkan sesuatu perceraian akan berlaku apabila lafaz *ṭalāq* dikeluarkan oleh suami kepada isteri, tanpa memerlukan saksi. Oleh kerana perceraian tidak perlu kesaksian, justeru itu lafaz *ṭalāq* tidak disyaratkan kepada sebarang masa atau tempat, sama ada berlaku di luar Mahkamah atau sebaliknya.

### **2.3. Syarat-syarat suami yang menjatuhkan *ṭalāq***

#### **1. Baligh**

Menurut pendapat yang terkenal dari Imam Malik, *ṭalāq* yang dilakukan oleh suami belum baligh adalah tidak sah. Pendapat tersebut dipegang juga oleh Imam Ahmad bin Hanbal. Syaidina Umar r.a. berpendapat *ṭalāq* yang dilakukan oleh kanak-kanak yang berumur dua belas tahun ke atas adalah sah. Sekiranya syarat ini tidak terdapat pada suami, maka tidak jatuh *ṭalāq* dan hukum *ṭalāq* tersebut adalah tidak sah. Termasuk juga *ṭalāq* yang dilakukan oleh kanak-kanak yang belum mumayyiz<sup>12</sup>.

#### **2. Tiada Paksaan**

Pengertian paksaan yang sebenar ialah suami tidak mampu untuk membuat pilihan lain melainkan menurut paksaan tersebut. Contohnya ancaman bunuh oleh

---

<sup>12</sup> Dr. Ahmad Mahmud al-Syafīe(1994), *Al-Ṭalāq wa Huquq al-Aulad wa Nafaqah al-Aqārab Fi al-Ṣyariah al-Islamiyah.*, h.23.

orang yang memiliki senjata untuk membunuh dan mampu melakukan pembunuhan pada ketika itu juga<sup>13</sup>.

### 3. Tidak Mabuk

Menurut Imam Syafie, lafaz *ṭalāq* yang dilakukan oleh suami mabuk yang tidak disengajakan adalah tidak sah. Sekiranya suami mabuk kerana minum arak dengan sengaja, adalah sah lafaz *ṭalāq* yang dilakukan. Bagi Imam Hanafi, ucapan *ṭalāq* ketika mabuk adalah tidak sah kerana waktu itu dikira hilang akal.

### 4. Tidak Tidur

*Ṭalāq* yang dibuat oleh orang sedang tidur adalah tidak sah sehinggalah ia terjaga daripada tidurnya.

## 2.4. Hukum Menceraikan Isteri

Terdapat dalil-dalil dari al-Quran dan al-Sunnah yang menyebut tentang perceraian. Walaupun Islam membenarkan perceraian dilakukan, tetapi perlakuan itu bukan suatu perkara disukai dalam Islam. Islam membenarkan perceraian dilakukan sekiranya kerukunan hidup sebagai pasangan suami isteri dalam sebuah rumah tangga itu mengalami pergolakan dan perbalahan yang tidak mungkin lagi pasangan itu untuk hidup bersama dalam keadaan aman damai dan kasih sayang.

---

<sup>13</sup> Wahbah al-Zuhailī (1984), *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhā*, j.7, h.365.

Islam melarang umatnya melakukan perceraian sewenang-wenang tanpa apa-apa sebab yang diharuskan oleh syarak<sup>14</sup>. Dalam sebuah hadis Rasulullah s.a.w. menjelaskan :

### أبغض الحلال الى الله الطلاق

Maksud :

*Sebenci-benci perkara yang dihalalkan di sisi Allah ialah ṭalāq<sup>15</sup>.*

Walaupun perceraian adalah perkara yang dibenci, namun harus disedari hakikat bahawa ia adalah merupakan satu keperluan untuk mengatasi krisis rumah tangga yang tidak dapat diselamatkan lagi setelah pelbagai usaha dan cara penyelesaian dilakukan.

Firma Allah S.W.T dalam surah al-Nisa', ayat 34;

الرِّجَالُ قَوَّامُونَ عَلَى النِّسَاءِ بِمَا فَضَّلَ اللَّهُ بَعْضَهُمْ عَلَى بَعْضٍ وَبِمَا  
أَنْفَقُوا مِنْ أَمْوَالِهِمْ<sup>ج</sup> فَالصَّالِحَاتُ قَانِتَاتٌ حَافِظَاتٌ لِّلْغَيْبِ بِمَا حَفِظَ اللَّهُ  
وَالَّتِي تَخَافُونَ نُشُوزَهُنَّ فَعِظُوهُنَّ وَأَهْجُرُوهُنَّ فِي الْمَضَاجِعِ<sup>ج</sup>  
وَأَضْرِبُوهُنَّ<sup>ط</sup> فَإِنِ اطَّعْنَكُمْ فَلَا تَبْغُوا عَلَيْهِنَّ سَبِيلًا<sup>ظ</sup> إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلِيمًا  
كَبِيرًا

Maksud :

*Kaum laki-laki itu adalah pemimpin bagi kaum wanita, oleh kerana Allah telah melebihkan sebahagian mereka (laki-laki) atas sebahagian yang lain*

<sup>14</sup> Al-Sabūnī, Al-Ābdūl Raḥmān (t.ṭ), *Madā Hurriyāt al-Zaujain Fī al- Ṭalāq*, j.1, Darul Fiqh, h.80.

<sup>15</sup> Hadis riwayat Abū Daūd dan Ibn Majah. Ibn Majah Abi Muḥammad bin Yazid al- Qazwini(T.T), Sunan Ibn Majah, J.1. Dar al-Fikr, h.650.



*(wanita), dan karena mereka (laki-laki) telah menafkahkan sebagian dari harta mereka, sebab itu maka wanita yang saleh, ialah yang taat kepada Allah lagi memelihara diri ketika suaminya tidak ada, oleh karena Allah telah memelihara (mereka). Wanita-wanita yang kamu khawatirkan nusyuznya, maka nasihatilah mereka dan pisahkanlah mereka di tempat tidur mereka, dan pukullah mereka. Kemudian jika mereka mentaatimu, maka janganlah kamu mencari-cari jalan untuk menyusahkannya. Sesungguhnya Allah Maha Tinggi lagi Maha besar.*

Dalam ayat 34 daripada surah al-Nisa' di atas, telah menerangkan bahawa dalam hidup berumah tangga, suamilah yang bertanggungjawab memberikan nafkah. Mereka lebih kuat daripada para isteri. Isteri hendaklah berlaku jujur dan mematuhi suami mereka. Jika berlaku perselisihan yang tidak dapat diselesaikan oleh mereka berdua, boleh meminta pendamai daripada kedua belah pihak. Jika pendamai itu jujur dan berniat baik, sesungguhnya akan tercapai perdamaian. Dalam Islam ditegaskan bahawa kepala atau ketua sesebuah rumah tangga ialah suami.

Namun begitu, apabila timbul pergolakan dan perbalahan di dalam sebuah rumah tangga, yang tiada jalan penyelesaian, perlantikan hakam hendaklah dilakukan.

Firman Allah dalam surah an-Nisa' ayat 35 :

وَإِنْ خِفْتُمْ شِقَاقَ بَيْنِهِمَا فَابْعَثُوا حَكَمًا مِّنْ أَهْلِهِ وَحَكَمًا مِّنْ أَهْلِهَا إِنْ يُرِيدَا إِصْلَاحًا يُوَفِّقِ اللَّهُ بَيْنَهُمَا إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلِيمًا خَبِيرًا ﴿٣٥﴾

Maksud :

*Dan jika kamu bimbangkan perpecahan di antara mereka berdua (suami isteri) maka lantiklah "orang tengah" (untuk mendamaikan mereka, iaitu), seorang dari keluarga lelaki dan seorang dari keluarga perempuan. jika kedua-dua "orang tengah" itu (dengan ikhlas) bertujuan hendak mendamaikan, nescaya Allah akan menjadikan kedua (suami isteri itu) berpakat baik. Sesungguhnya Allah sentiasa mengetahui, lagi amat mendalam pengetahuan-Nya.*

Ayat di atas juga dapat difahamkan tidak semua pergolakan dalam berumah tangga perlu disudahi dengan perceraian. Usaha perdamaian perlu diadakan terlebih dahulu oleh kedua-dua belah pihak. Apabila usaha perdamaian menemui jalan buntu, barulah Islam mengharuskan perceraian. Walaupun begitu tempoh edah diberikan kepada pasangan yang bercerai untuk memikirkan kembali tindakan perceraian yang telah dilakukan.

Firman Allah dalam surah al- *Talāq*, ayat 2:

فَإِذَا بَلَغْنَ أَجَلَهُنَّ فَأَمْسِكُوهُنَّ بِمَعْرُوفٍ أَوْ فَارِقُوهُنَّ بِمَعْرُوفٍ وَأَشْهِدُوا ذَوَىٰ عَدْلٍ مِّنكُمْ وَأَقِيمُوا الشَّهَادَةَ لِلَّهِ ...

Maksud :

*Sebab itu kalau mereka telah sampai kepada waktu yang telah ditentukan, ambillah mereka kembali dengan baik atau ceraikan mereka dengan cara yang baik. Dan persaksikanlah kepada dua orang yang bersifat tulus di antara kamu, dan tegakkanlah kesaksian itu kerana Allah.*

Selain itu, terdapat beberapa hukum menjatuhkan *ṭalāq* mengikut situasi dan keadaan tertentu seperti berikut;

1. Haram

Melakukan *ṭalāq* akan menjadi haram dalam dua keadaan seperti berikut :

1.1. Menjatuhkan *ṭalāq* ketika isteri dalam keadaan haid.

1.2. Menjatuhkan *ṭalāq* ketika isteri suci dari haid tetapi telah disetubuhi dalam waktu suci tersebut<sup>16</sup>.

2. Makruh

Suami menceraikan isterinya yang baik tingkah laku, taat kepada ajaran agama dan tidak ada apa-apa sebab<sup>17</sup>.

3. Wajib

Perceraian yang dilakukan setelah melalui proses hakam dalam perselisihan rumah tangga. Kedua-dua pihak bersetuju perceraian adalah jalan terbaik untuk menyelesaikan ketegangan mereka. Hukum perceraian menjadi wajib juga kepada suami yang bersumpah tidak akan melakukan jimak dengan isterinya melebihi empat bulan.

---

<sup>16</sup> Wahbah al-Zuhailī (1984), *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhā*, j.7, h.362.

<sup>17</sup> Ibid.,h. 363

4. Sunat

Suami menceraikan isteri yang berkelakuan buruk atau memiliki akhlak yang tidak baik dan tiada cara yang dapat memperbaikinya..

5. Harus

Pasangan yang berhajat untuk melakukan perceraian setelah memikirkan perbuatan itu lebih baik bagi mereka. Umpamanya perkahwinan mereka tidak mempunyai apa-apa matlamat untuk dicapai. Namun begitu, para *Fuqaha* berselisih pendapat mengenai hukum asal *ṭalāq*.

1. Golongan pertama berpendapat hukum asal *ṭalāq* adalah harus. Alasan yang mereka kemukakan seperti berikut ;

- 1.1. Firman Allah dalam Surah al-Baqarah ayat 236:

لَا جُنَاحَ عَلَيْكُمْ إِن طَلَقْتُمُ النِّسَاءَ مَا لَمْ تَمْسُوهُنَّ أَوْ تَفْرِضُوا لَهُنَّ فَرِيضَةً

Maksud:

*Tidaklah kamu bersalah jika kamu menceraikan isteri-isteri kamu sebelum kamu sentuh (bercampur) dengan mereka atau (sebelum) kamu menetapkan maskahwin untuk mereka*

- 1.2. Rasulullah pernah menceraikan isteri baginda iaitu Hafsa sehingga turun ayat menyuruh baginda rujuk.
- 1.3. Para sahabat sendiri ada yang menceraikan isteri mereka, antaranya Abdul Rahman bin Auf dan Hassan bin Ali<sup>18</sup>.

---

<sup>18</sup> Al-Sabūnī, *Ibid*, h.88.

2. Golongan kedua berpendapat hukum asal *ṭalāq* adalah haram, alasan mereka ialah:

2.1. Hujah yang mereka bawa ialah hadis Rasulullah yang bermaksud:

*Sebenci-benci perkara halal di sisi Allah ialah ṭalāq.*

#### **2.4. Bentuk-bentuk perceraian**

Pembubaran ikatan perkahwinan dalam Islam boleh berlaku melalui pelbagai cara dan bentuk. Antara bentuk-bentuk yang sering disenaraikan dalam kitab *fiqh* seperti kitab *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhā* oleh Dr. Wahbah al-Zuhaili, kitab *Madā Hurriyāt al-Zaujain Fī al- Ṭalāq* oleh Al-Sabūnī dan kitab *al- Ṭalāq wa Huqūq al-Aulad wa Nafaqah al- Aqārab Fī al-Ṣyariah al-Islamiyah* oleh Dr. Ahmad Mahmud al-Syafie ialah *ṭalāq*, *fasakh*, *khulu'*, *ta'liq*, *īlā'*, *zihār* dan *li'an*. Bentuk-bentuk perceraian ini juga berlaku di luar Mahkamah, kecuali *khulu'* dan *fasakh*, tetapi ianya tidak disabitkan di bawah kesalahan melakukan perceraian di luar Mahkamah dan tanpa kebenaran Mahkamah di bawah seksyen 124. Bentuk-bentuk perceraian tersebut dijelaskan secara terperinci di bawah seksyen-seksyen khusus dalam Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Selangor tahun 1984.

##### **1. Ṭalāq**

*Talak* menurut bahasa ialah melepaskan ikatan, menurut istilah syarak pula ialah pembubaran ikatan perkahwinan dengan lafaz *ṭalāq* atau seumpamanya berdasarkan al-Quran, as-Sunnah dan Ijmak ulama<sup>19</sup>. Perceraian boleh dilakukan dengan lafaz

---

<sup>19</sup> Wahbah al-Zuhailī (1984), *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhā*, j.7, h.356.

soreh (jelas) dan lafaz *kināyah* (sindiran). Namun begitu setiap perceraian mesti mengikut prosedur peruntukan undang-undang yang telah ditetapkan oleh negeri masing-masing. Perceraian hanya boleh dilakukan di Mahkamah dan adalah menjadi kesalahan yang boleh didenda atau dihukum dengan penjara bagi seorang suami melafazkan *ṭalāq* di luar Mahkamah.

Seorang suami atau isteri yang ingin menuntut perceraian mesti membuat permohonan ke Mahkamah, iaitu melalui penyata tuntutan. Selepas Mahkamah menerima permohonan, Mahkamah akan memanggil kedua-dua pihak supaya hadir di Mahkamah untuk disiasat sama ada persetujuan untuk bercerai telah didapati. Sekiranya Mahkamah berpuas hati dengan sebab-sebab tuntutan cerai, Mahkamah akan menasihati supaya suami menjatuhkan satu *ṭalāq* di hadapan Mahkamah. Sekiranya satu pihak tidak setuju, Mahkamah boleh melantik satu jawatankuasa pendamai yang terdiri dari wakil pihak suami dan isteri. Jika Jawatankuasa ini berjaya mendamaikan suami isteri, Mahkamah akan menolak permohonan untuk bercerai.

Sekiranya perlakuan *ṭalāq* dibuat di luar Mahkamah maka suami hendaklah membuat satu pengesahan lafaz *ṭalāq* tersebut. Pengesahan lafaz *ṭalāq* ialah *ṭalāq* yang dilafazkan oleh suami di luar Mahkamah tanpa kebenaran Mahkamah sama ada dengan lafaz soreh atau lafaz *kināyah*. Pihak-pihak sama ada suami atau isteri, hendaklah melaporkan kepada Mahkamah dalam masa tujuh (7) hari, Mahkamah akan menyiasat dan memastikan sama ada lafaz tersebut sabit *ṭalāq* atau tidak mengikut Hukum Syarak. Dalam kes *Mohamed Huzaimi Bin Mohamed Hussein*

*lawan Siti Rozidah Binti Sani @ Daud*<sup>20</sup>, pasangan ini telah melakukan perceraian pada 05 Februari 2000. Permohonan oleh pihak suami kepada Mahkamah untuk mendapat pengesahan cerai melalui proses seperti di atas telah dilakukan. Perbicaraan pengesahan perceraian telah dijalankan pada 09 Oktober 2000, dan Mahkamah memutuskan perceraian telah berlaku pada 05 Februari 2000 dengan *ṭalāq* satu. Perkara ini telah dijelaskan dalam peruntukkan berikut;

*51A. (1) Walau apa pun peruntukan seksyen 51, seorang lelaki yang telah menceraikan isterinya dengan melafazkan talak dengan apa-apa cara di luar Mahkamah dan tanpa kebenaran Mahkamah hendaklah dalam masa tujuh hari dari ṭalāq itu dilafazkan melapor lafaz talak itu kepada Mahkamah .*

*2) Mahkamah hendaklah mengadakan perbicaraan untuk memastikan bahawa ṭalāq itu telah dilafazkan dengan sah mengikut Hukum Syara'.*

*(3) Jika Mahkamah berpuas hati bahawa talak itu telah dilafazkan dengan sah mengikut Hukum Syara', Mahkamah hendaklah tertakluk kepada seksyen 119, membuat perintah mengesahkan perceraian ṭalāq itu. Mahkamah hendaklah merekodkan perceraian itu dan menghantarkan satu salinan rekod itu yang diperakui kepada Pendaftar yang berkenaan dan kepada Ketua Pendaftar untuk didaftarkan."*

Di samping itu penyeragaman ini, isu-isu berkaitan dengan undang-undang kekeluargaan Islam itu sendiri seperti perceraian *ṭalāq* tiga, perceraian bentuk baru seperti melalui SMS, melalui emel dan faksimili adalah tertakluk kepada peraturan di atas. Kebelakangan ini terdapat satu kecenderongan oleh segelintir suami yang melakukan perceraian secara khidmat pesanan ringkas atau SMS melalui telefon bimbit. Isu bercerai melalui khidmat pesanan ringkas (SMS) sememangnya menjadi polemik dalam masyarakat. Ada yang berjuang mendesak supaya cerai secara SMS dianggap tidak sah kerana tindakan itu tidak bermaruah, memalukan serta

---

<sup>20</sup> Kes Mal Mahkamah Rendah Syariah Shah Alam Bil1342-09-93/2002.

mempersendakan keutuhan institusi keluarga dan kewibawaan undang-undang berkaitan perkahwinan yang sedang berkuatkuasa di negeri-negeri seluruh Malaysia<sup>21</sup>. Secara umumnya kuasa menjatuhkan *ṭalāq* seperti telah dinyatakan sebelum di atas adalah berada di tangan suami. Apabila seorang suami menjatuhkan *ṭalāq*, maka berlakulah perceraian sama ada ianya dalam bentuk lafaz *ṭalāq* menggunakan apa-apa bahasa sama ada melalui tulisan atau bahasa isyarat boleh difahami. *Ṭalāq* yang dijatuhkan itu boleh dibahagi kepada dua iaitu *ṭalāq* soreh dan *ṭalāq* yang berlaku secara *kināyah*. *Ṭalāq* soreh iaitu lafaz yang jelas maknanya merujuk kepada cerai dan ia memberi kesan walaupun suami menyebutnya tanpa niat atau pun secara main-main. Contohnya, seorang suami berkata kepada isterinya, "Saya ceraikan awak dengan *ṭalāq* satu" atau lain-lain. *Ṭalāq* *kinayah* iaitu *ṭalāq* secara kiasan atau sindiran di mana ia boleh membawa banyak maksud sama ada cerai atau tidak, ia hanya menjadi sah apabila ada niat di pihak suami. Contohnya, suami berkata, "Awak baliklah ke rumah ibu bapa awak", "Kita berdua sudah tiada hubungan lagi" dan lain-lain.

Timbul perbualan dalam kalangan masyarakat tentang kesahan proses perceraian tersebut dan menjadi tanda tanya adakah syarak menerimapakai perbuatan menggunakan alat komunikasi untuk tujuan itu. *Jumhūr fuqahā* berpandangan *ṭalāq* melalui tulisan dianggap sah jika ketika suami menulisnya ada disertai niat untuk bercerai. Menurut mazhab Syafie dan Maliki, *ṭalāq* melalui tulisan walaupun dalam bentuk jelas (soreh) dan dapat difahami maksudnya tetap tidak sah dan tidak

---

<sup>21</sup> Temuramah dengan Penolong Pendaftar Mahkamah Rendah Syariah Shah Alam pada 6 Jun 2008.



mendatangkan kesan kecuali disertakan dengan niat<sup>22</sup>. Dalam kes *Azida Fazlina lawan Shamsudin Latif*<sup>23</sup> yang diputuskan pada 2003, Mahkamah Rendah Syariah Gombak Timur mengesah dan mensabitkan perceraian pasangan suami isteri yang dilafazkan melalui system pesanan ringkas (SMS) apabila suami menghantar kepada isteri SMS berbunyi, "*Kalau engkau tak keluar dari rumah mak bapak engkau, jatuh talak tiga.*" SMS itu dihantar pada jam 10.04 pagi, 18 April 2003 dan isteri membacanya pada jam 8 malam apabila telefon bimbitnya dipasang. Isteri mengatakan bahawa dia yakin suaminya iaitu defendan dalam kes ini yang mengirim mesej itu dan apabila mahkamah mengajukan soalan kepada defendan, beliau memperakukan keterangan diberikan plaintif. Hakim Syarie ketika membuat keputusan berkata, lafaz *Ta'liq* cerai itu sah dan sabit serta gugur *ṭalāq* tiga terhadap plaintif<sup>24</sup>.

Dalam Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam Kali Ke-55 yang bersidang pada 27 Julai 2003 membuat penelitian mendalam dan memberi pandangan mengenai hukum perceraian tersebut. Fatwa yang diputuskan adalah<sup>25</sup>,

- *ṭalāq dalam bentuk tulisan yang jelas daripada suami yang ditujukan kepada isterinya secara khusus seperti melalui faks, SMS, emel dan sebagainya adalah talak berbentuk kinayah dan sah jika disertai dengan niat.*
- *Semua perceraian perlu dikemukakan ke Mahkamah Syariah untuk mensabitkan ṭalāq berkenaan.*

---

<sup>22</sup> Dr. Ahmad Mahmud al-Syafie (1994), *ocp.cit.* hlm.110

<sup>23</sup> Utusan Malaysia, 25 Julai 2003

<sup>24</sup> Persatuan Peguam Syarie Malaysia, <http://www.peguamsyarie.org>, 7 Januari 2008.

<sup>25</sup> Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, <http://www.e-fatwa.gov.my/jakim>, 7 Januari 2008.

- *Talak yang dilakukan dengan menggunakan alat komunikasi moden adalah kaedah perceraian yang tidak menepati adab perceraian digariskan oleh syarak.*

Secara keseluruhannya, perceraian secara SMS yang disertai dengan niat melakukan perceraian daripada suami, adalah termasuk dalam perceraian di luar Mahkamah. Tindakan seterusnya pasangan terbabit perlu kepada proses pengesahan cerai menurut seksyen 57 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Selangor 2003 (EUKIS 2003) memperuntukkan seseorang yang menceraikan isterinya dengan lafaz *ṭalāq* di luar Mahkamah dan tanpa kebenaran Mahkamah, hendaklah dalam masa tujuh hari daripada *ṭalāq* dilafazkan, melaporkan kepada Mahkamah. Selepas itu, Mahkamah hendaklah mengadakan siasatan untuk memastikan sama ada *ṭalāq* yang dilafazkan itu sah mengikut hukum syarak. Jika Mahkamah berpuas hati bahawa *ṭalāq* yang dilafazkan sah mengikut hukum syarak, maka Mahkamah hendaklah membuat perintah membenarkan perceraian dengan *ṭalāq*, merekodkan perceraian itu dan menghantar salinan rekod kepada pendaftar yang berkenaan dan kepada Ketua Pendaftar bagi pendaftaran.

## 2. *Fasakh*

*Fasakh* ialah pembubaran perkahwinan disebabkan oleh sesuatu perkara yang diharuskan oleh Hukum Syarak. Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Selangor 1984, seksyen 52 telah memperuntukkan perkara-perkara yang mengharuskan *fasakh* yang akan dibincangkan pada bab tiga dalam penulisan ini.

Menurut Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Selangor *fasakh* ertinya pembubaran nikah disebabkan oleh sesuatu perkara yang diharuskan oleh Hukum Syarak mengikut seksyen 52 enakmen tersebut. Tuntutan *fasakh* nikah oleh isteri kerana suami mengidap penyakit Aids atau penagih dadah juga telah diputuskan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan dalam Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kali ke 37 bertarikh 23 Mac 1995<sup>26</sup>. seperti berikut;

*Setelah meneliti pandangan dan cadangan yang dikemukakan, ahli-ahli muzakarah mengambil keputusan bersetuju seperti berikut:*

*a. Meluluskan fatwa tuntutan fasakh nikah isteri kerana suami mengidap penyakit aids atau penagih dadah dengan perakuan dari pakar perubatan yang adil.*

*b. Bersetuju Fatwa ini diterima pakai dan diwartakan disemua negeri-negeri.*

### 3. *Khulu'* atau tebus *ṭalāq*

*Khulu'* atau perceraian tebus *talak* ialah satu perceraian yang diminta oleh isteri daripada suaminya dengan wang atau harta benda sepertimana yang dipersetujui melalui ijab dan qabul. Kes-kes *Khulu'* yang berlaku di kalangan pasangan suami isteri dalam negeri Selangor akan dirujuk ke Mahkamah Syariah di bawah seksyen 49, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Selangor tahun 1984. *Khulu'* adalah cerai *bain sughra* dan tidak boleh dirujuk melainkan dengan akad dan mas kahwin yang baru. *khulu'* ialah *ṭalāq* yang berlaku dengan keinginan isteri dan kesungguhannya untuk bercerai. *Khulu'* disyariatkan sebagai memenuhi kehendak isteri atas sebab-sebab pilihan mereka sendiri. Melalui *khulu'* isteri dapat menebus dirinya agar dibebaskan oleh suaminya dengan cara mengembalikan mas kahwin

---

<sup>26</sup> Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, <http://www.e-fatwa.gov.my/jakim>, 7 Januari 2008.

yang telah mereka setuju semasa proses perkahwinan. *Khulu'* adalah salah satu bentuk perceraian yang dianggap sah di sisi syarak apabila terdapat elemen-elemen yang membawa kepada sah melakukan *ṭalāq*<sup>27</sup>, kerana ia adalah sejenis perceraian yang berlaku dengan adanya tebusan yang diberikan oleh isteri kepada suami.

Dalil yang mengharuskan *khulu'* adalah sebagaimana yang dijelaskan oleh Allah dalam surah al-Baqarah ayat 229;

... أَلَّا يُقِيمَا حُدُودَ اللَّهِ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْهِمَا فِيمَا افْتَدَتْ بِهِ تِلْكَ حُدُودُ  
اللَّهِ فَلَا تَعْتَدُوهَا وَمَنْ يَتَعَدَّ حُدُودَ اللَّهِ فَأُولَئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ

Maksud;

...Oleh itu kalau kamu khuatir kedua-duanya tidak dapat menegakkan atura-aturan hukuman Allah, maka tidaklah mereka berdosa mengenai bayaran (tebus talak) yang diberikan oleh isteri untuk menebus dirinya (dan mengenai pengambilan suami akan bayaran tersebut)

#### 4. *Ta'liq*

Cerai *ta'liq* juga biasa disebut dalam bahasa Arab sebagai *al- Ṭalāq al-Mu'allaq*, iaitu sesuatu yang berlaku akibat daripada terjadinya perkara yang ditetapkan pada masa akan datang dengansalah satu perkataan penyambung syarat (*adah al-syarat*), umpamanya seorang suami berkata kepada isterinya ; “ *sekiranya engkau masuk ke dalam rumah seorang lelaki engkau akan diceraikan*”<sup>28</sup>. Dalam Enakmen Undang-

<sup>27</sup> Al-Mughni, Ibn Qudāmah (1992), juz.6, h.613

<sup>28</sup> Dr. Wahbah al-Zuhailī (1989), *Al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhā*, juz.7,h.444

Undang Keluarga Islam Negeri Selangor, seksyen 50 menyatakan, *ta'liq* ertinya perjanjian yang telah dibuat oleh suami selepas akad nikah mengikut Hukum Syarak. Cerai *Ta'liq* boleh disabitkan apabila berlaku pelanggaran keatas *ta'liq* dan setelah aduan dibuat serta disahkan oleh Mahkamah. *Ṭalāq* akan jatuh sebaik sahaja syarat yang disebutkan dalam *ta'liq* berlaku. Terdapat beberapa kesan *ta'liq* seperti berikut;

1. *Ṭalāq* tidak akan berlaku selagi perkara yang dikaitkan dengan *ṭalāq* itu masih belum berlaku.
2. Kehidupan suami dan isteri akan berterusan secara sempurna daripada segi hukum dan kewajipannya selagi syarat yang disebutkan dalam *ṭalāq ta'liq* belum berlaku, walaupun ia pasti berlaku.

#### 5. *Īlā'*

Maksud *īlā'* dari segi bahasa ialah sumpah<sup>29</sup>. Menurut istilah syarak iaitu suami bersumpah tidak akan bersetubuh dengan isterinya lebih daripada empat bulan atau secara mutlak iaitu tanpa menyebut tempoh masanya<sup>30</sup>.

Terdapat beberapa hukum terhadap suami yang sabit melakukan *īlā'* kepada isterinya. Hakim akan memberi peluang selama empat bulan kepada suami bermula dari hari dia bersumpah untuk menarik balik sumpahnya dan membayar *kafārah* sumpah. Sekiranya tempoh itu tamat, suami masih tetap dengan sumpahnya maka dia telah memudaratkan isterinya. Keadaan demikian membolehkan hakim mengambil tindakan berikut;

1. Memaksa suami menarik balik sumpahnya dan kembali semula kepada isterinya serta membayar *kafārah* sumpah.

---

<sup>29</sup> *Ibid*, h. 535

<sup>30</sup> Al-Shafie, *Fiqhul Manhāji*, j.2, h.200.

2. Memaksa suami menceraikan isterinya dan sekiranya dia enggan, hakim hendaklah menjatuhkan *ṭalāq* satu bagi pihaknya. Hakim hendak bertindak sedemikian untuk mengelakkan kemudaratan kepada isteri.

Dalil berkaitan perlakuan *īlā'* adalah sabit kepada ayat al-Quran iaitu surah al-Baqarah, ayat 226 hingga 227;

لِّلَّذِينَ يُؤْلُونَ مِن نِّسَائِهِمْ تَرَبُّصُ أَرْبَعَةِ أَشْهُرٍ ۖ فَإِن فَاءُوا فَإِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ  
رَّحِيمٌ ۚ وَإِن عَزَمُوا الطَّلَاقَ فَإِنَّ اللَّهَ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿٢٢٦﴾

Maksud;

226. Kepada orang-orang yang bersumpah tidak akan mencampuri isteri-isteri mereka, diberikan tempoh empat bulan. setelah itu jika mereka kembali (mencampurinya), maka sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.

227. Dan jika mereka berazam hendak menjatuhkan *ṭalāq* (menceraikan isteri), maka sesungguhnya Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui.

## 6. *Zihār*

*Zihār* menurut bahasa berasal daripada perkataan *al-zahru* yang membawa maksud belakang. Dari sudut istilah syarak *zihār* ialah suami menyamakan isterinya atau mana-mana anggotanya dengan ibunya atau dengan mana-mana perempuan mahram bagi suami tersebut, seperti suami berkata kepada isterinya “*engkau bagiku seperti belakang ibuku*”<sup>31</sup>. Perkataan *zihār* digunakan oleh orang Arab sebagai kiasan bagi hubungan kelamin. Apabila suami melafazkan perkataan ini, dia telah menyamakan isterinya dengan mahramnya dari segi pengharaman hubungan

<sup>31</sup> *Ibid*, h.114

kelamin. Perbuatan ini adalah haram dan berdosa besar. Dalam surah al-Mujadalah, ayat 8, Allah SWT telah berfirman;

الَّذِينَ يُظَاهِرُونَ مِنْكُمْ مَنْ نَسَاهُمْ مَا هُمْ بِأُمَّهَاتِهِمْ إِنَّمَا هُمُ الْمُتَّبِعُونَ إِلَّا الَّذِينَ  
وَلَدْنَاهُمْ وَإِنَّهُمْ لَيَقُولُونَ مُنْكَرًا مِنَ الْقَوْلِ وَزُورًا وَإِنَّ اللَّهَ لَعَفُوفٌ غَفُورٌ

Maksud;

*Orang-orang yang " zihārkan" isterinya dari kalangan kamu (adalah orang-orang yang bersalah, kerana) isteri-isteri mereka bukanlah ibu-ibu mereka. ibu-ibu mereka tidak lain hanyalah perempuan-perempuan yang melahirkan mereka. dan sesungguhnya mereka (dengan melakukan yang demikian) memperkatakan suatu perkara yang mungkar dan dusta. dan (ingatlah), sesungguhnya Allah Maha Pemaaf, lagi Maha Pengampun.*

Apabila suami melafazkan perkataan *zihār* terhadap isterinya, perhubungan mereka sebagai suami dan isteri menjadi haram sehingga suami membayar *kafārah zihār*. *Kafārah* tersebut telah dijelaskan melalui ayat 3 hingga 4 daripada surah al-Mujadalah;

وَالَّذِينَ يُظَاهِرُونَ مِنْ نِسَائِهِمْ ثُمَّ يَعُودُونَ لِمَا قَالُوا فَتَحْرِيرُ رَقَبَةٍ مِنْ قَبْلِ  
أَنْ يَتَمَاسَّ ذَٰلِكُمْ تَوْعَظُونَ بِهِ ۗ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرٌ ﴿٤﴾ فَمَنْ لَّمْ  
يَجِدْ فَصِيَامُ شَهْرَيْنِ مُتَتَابِعَيْنِ مِنْ قَبْلِ أَنْ يَتَمَاسَّ ۗ فَمَنْ لَّمْ يَسْتَطِعْ  
فَإِطْعَامُ سِتِّينَ مِسْكِينًا ۗ ذَٰلِكَ لِتُؤْمِنُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ ۗ وَتِلْكَ حُدُودُ اللَّهِ  
وَلِلْكَافِرِينَ عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿٥﴾

Maksud;

3. Dan orang-orang yang "*zihārkan*" isterinya, kemudian mereka berbalik dari apa yang mereka ucapkan (bahawa isterinya itu haram kepadanya), maka hendaklah (suami itu) memerdekakan seorang hamba sebelum mereka berdua (suami isteri) bercampur. Dengan hukum yang demikian, kamu diberi pengajaran (supaya jangan mendekati perkara yang mungkar itu). dan (ingatlah), Allah Maha mendalam pengetahuan-Nya akan apa yang kamu lakukan.

4. Kemudian, sesiapa yang tidak dapat (memerdekakan hamba), maka hendaklah ia berpuasa dua bulan berturut-turut sebelum mereka (suami isteri) itu bercampur, akhirnya sesiapa yang tidak sanggup berpuasa, maka hendaklah ia memberi makan enam puluh orang miskin, ditetapkan hukum itu untuk membuktikan iman kamu kepada Allah dan Rasul-Nya (dengan mematuhi perintah-Nya serta menjauhi adat Jahiliyah) dan itulah batas-batas hukum Allah. Dan bagi orang-orang yang kafir disediakan azab seksa yang tidak terperi sakitnya.

#### 7. *Li'an*

Maksud *li'an* ialah seorang suami menuduh isterinya melakukan zina atau menafikan keturunan anaknya tanpa saksi yang cukup dan isterinya menolak tuduhan itu serta menuntut dilaksanakan hukuman qazaf kepada suaminya<sup>32</sup>. Hakim akan memerintahkan dilakukan proses *li'an*. Proses *li'an* adalah seperti berikut<sup>33</sup>;

i. Suami bersumpah di hadapan hakim dengan lafaz : "*Aku bersaksi dengan nama Allah bahawa tuduhan zina terhadap isteriku adalah benar*". Suami hendaklah mengulangi lafaz ini sebanyak empat kali berturut-turut. Jika hendak menafikan anaknya, suami hendaklah menambah pada keempat-empat sumpah *li'an* dengan lafaz: "*Sesungguhnya anak yang dilahirkan oleh isteriku itu bukan daripadaku*".

---

<sup>32</sup> *Ibid*, h.556

<sup>33</sup> Dr. Ahmad Mahmud al-Syafie (1994), *ocp.cit*. h. 23



Pada sumpah kelima yang suami suami bersumpah dengan lafaz : “ *Sesungguhnya laknat Allah akan menimpa diriku jika aku berdusta dalam membuat tuduhan zina terhadap isteriku*”.

ii. Isteri bersumpah di hadapan hakim dengan lafaz : “ *Aku bersaksi dengan nama Allah bahawa tuduhan zina yang dibuat oleh suamiku terhadap diriku adalah dusta*”.

Dia hendaklah mengulangi lafaz ini sebanyak empat kali berturut-turut. Pada kali kelima isteri bersum dengan lafaz : “*Sesungguhnya kemurkaan Allah akan menimpa diriku sekiranya tuduhan suamiku benar*”. Proses ini telah dijelaskan dalam firman Allah Surah al-Nur, 24 : 6-9:

وَالَّذِينَ يَرْمُونَ أَزْوَاجَهُمْ وَلَمْ يَكُنْ لَهُمْ شُهَدَاءُ إِلَّا أَنفُسُهُمْ فَشَهَدَةُ أَحَدِهِمْ  
أَرْبَعٌ شَهَدَاتٍ بِاللَّهِ إِنَّهُ لَمِنَ الصَّادِقِينَ ﴿٦﴾ وَالْخَمِيسَةَ أَنْ لَعْنَتَ اللَّهِ عَلَيْهِ  
إِنْ كَانَ مِنَ الْكَاذِبِينَ ﴿٧﴾ وَيَدْرُؤُا عَنْهَا الْعَذَابَ أَنْ تَشْهَدَ أَرْبَعٌ شَهَدَاتٍ بِاللَّهِ  
إِنَّهُ لَمِنَ الْكَاذِبِينَ ﴿٨﴾ وَالْخَمِيسَةَ أَنْ غَضَبَ اللَّهِ عَلَيْهَا إِنْ كَانَ مِنَ  
الصَّادِقِينَ ﴿٩﴾

Maksud;

6. Dan orang-orang yang menuduh isterinya berzina, sedang mereka tidak ada saksi-saksi (yang mengesahkan tuduhannya itu) hanya dirinya sendiri, maka persaksian (sah pada Syarak) bagi seseorang yang menuduh itu hendaklah ia bersumpah dengan nama Allah, empat kali, bahawa sesungguhnya ia dari orang-orang yang benar.

7. Dan sumpah yang kelima (hendaklah ia berkata): Bahawa laknat Allah akan menimpa dirinya jika ia dari orang-orang yang dusta.

8. Dan bagi menghindarkan hukuman seksa dari isteri (yang kena tuduh) itu hendaklah ia bersumpah dengan nama Allah, empat kali, bahawa suaminya (yang menuduh) itu sesungguhnya adalah dari orang-orang yang berdusta.

9. Dan sumpah yang kelima (hendaklah ia berkata); Bahawa kemurkaan Allah akan menimpa dirinya jika suaminya dari orang-orang yang benar.

Menurut Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995, *li'an* ertinya sesuatu pengataaan yang dibuat oleh seseorang lelaki dengan bersumpah mengikut Hukum Syarak bahawa isterinya telah melakukan zina.

Implikasi perlakuan *li'an* kepada suami dan isteri adalah seperti berikut;

- i. Suami dan isteri terpisah selepas berlaku proses *li'an*.
- ii. Suami tidak lagi boleh berkahwin semula dengan isterinya itu selama-lamanya.
- iii. Suami yang membuat tuduhan dilepaskan daripada hukuman qazaf.
- iv. Isteri akan dikenakan had zina jika tidak menolak tuduhan dengan sumpah *li'an*.
- v. Anak yang dinafikan dalam sumpah *li'an* ternafi nasabnya daripada suami yang bersumpah.
- vi. Isteri berhak menuntut nafkah anak jika suami tidak menafikan nasabnya.

Selain itu pasangan yang sabit melakukan perbuatan *li'an* seperti di atas adalah dikecualikan daripada tuduhan zina seperti yang diperuntukkan dalam Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995, seksyen 36 seperti berikut;

*Kecuali dalam kes li'an, mana-mana orang yang menuduh orang lain melakukan zina tanpa mengemukakan, empat orang saksi lelaki atau iqrar orang yang dituduh itu adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.*

## 6. Anggapan mati

Anggapan mati ialah apabila suami seseorang perempuan telah mati atau dipercayai telah mati atau telah tidak didapati apa-apa perkhabaran mengenainya selama tempoh empat tahun (4) atau lebih. Apabila keadaan itu berterusan dan perempuan itu hendak berkahwin lain hendaklah terlebih dahulu mendapat perisytiharan anggapan mati daripada Mahkamah. Perkara ini telah dijelaskan dalam seksyen berikut<sup>34</sup>;

*53. (1) Jika suami seseorang perempuan telah mati, dipercayai telah mati atau telah tidak didapati apa-apa perkhabaran mengenainya selama tempoh empat tahun atau lebih dan hal keadaan adalah sebegitu hingga ia patut bagi maksud membolehkan perempuan itu berkahwin semula, dianggap mengikut Hukum Syara' sebagai telah mati, tetapi perakuan kematian di bawah Ordinan Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957 (61/57) tidak dapat diperolehi, Mahkamah boleh atas permohonan perempuan itu dan selepas apa-apa penyiasatan yang wajar mengeluarkan dalam borang yang ditetapkan suatu perakuan menganggap suami itu telah mati dan kemudian daripada itu perempuan itu adalah bebas berkahwin semula mengikut Enakmen ini.*

*(2) Suatu perakuan yang dikeluarkan di bawah seksyen-kecil (1) hendaklah disifatkan sebagai perakuan kematian suami itu dalam erti seksyen 14 (4) (b).*

*(3) Dalam hal keadaan yang disebut dalam seksyen-kecil (1), seseorang perempuan adalah tidak berhak berkahwin semula tanpa suatu perakuan yang dikeluarkan di bawah seksyen-kecil (1) walaupun Mahkamah Tinggi mungkin telah memberi kebenaran menganggap suami itu telah mati.*

*(4) Perakuan yang dikeluarkan di bawah seksyen-kecil (1) hendaklah didaftarkan seolah-olah perakuan itu telah mewujudkan perceraian.*

---

<sup>34</sup> Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Selangor 1984.

## **2.6. Hikmah Pengsyariaan Perceraian**

Perceraian bertujuan untuk menyelesaikan tekanan perkahwinan dan mengurangkan penderitaan akibat perbalahan yang berterusan antara kedua suami dan isteri. Keputusan untuk bercerai biasanya dibuat berasaskan kepada jangkaan bahawa keadaan akan menjadi lebih baik untuk kedua suami dan isteri itu sekiranya mereka tidak lagi hidup bersama. Tujuan utama perkahwinan adalah untuk meneruskan kehidupan antara kesua-dua pasangan suami dan isteri. Allah SWT telah mensyariatkan banyak hukum serta adab untuk menyuburkan dan menyemarakkan hubungan antara suami dan isteri. Namun begitu, kadang kala segala hukum dan adab itu tidak diikuti oleh kedua-duanya atau salah seorang daripada mereka. Sebagai contohnya suami tidak berhati-hati atau tidak mengikut kehendak syarak ketika memilih pasangan hidup sejak dari proses lamaran dan peminang lagi.

Terdapat juga pasangan yang kurang matang dalam tanggungjawab berumah tangga, jahil mengenai adab-adab hidup bersama yang ditetapkan oleh Islam. Ini akan menimbulkan kerengganan yang akan semakin melebar dan akhirnya sampai kepada tahap yang amat sukar untuk diperbaiki lagi. Ketika ini tidak ada jalan penyelesaian untuk menangani kemelut yang dihadapi oleh pasangan tersebut. Ketika tidak ada jalan untuk mewujudkan persefahaman dalam kehidupan berkeluarga, satu peraturan yang membolehkan masalah ini dapat dirungkaikan adalah amat perlu. Dengan itu perceraian adalah satu-satunya cara yang paling baik untuk mengatasi

masalah yang sekiranya dibiarkan akan merebak kepada permusuhan kepada keluarga kedua-dua belah pihak. Firman Allah dalam surah al-Nisa', ayat 130;

وَإِنْ يَتَفَرَّقَا يُغْنِ اللَّهُ كُلًّا مِّنْ سَعَتِهِ ۗ وَكَانَ اللَّهُ وَاسِعًا حَكِيمًا

Maksud;

*Dan jika keduanya bercerai, maka Allah akan cukupkan (keperluan) masing-masing dari limpah kurnia-Nya. dan (ingatlah) Allah Maha Luas limpah kurnia-Nya, lagi Maha Bijaksana.*

Selain itu, perceraian adalah sebagai petanda kehebatan syariat Islam dan sebagai bukti yang penting menunjukkan hukum hakam Islam benar-benar sesuai dengan fitrah dan keperluan semulajadi manusia. Hakikat ini terbukti jika dibandingkan dengan bangsa-bangsa lain di dunia ini yang menganggap perkahwinan adalah penjara mengurung pasangan suami dan isteri supaya hidup bersama-sama hingga ke akhir hayat walaupun menghadapi masalah yang tidak dapat di atasi.

Di samping itu juga, perceraian memberi peluang kepada pasangan yang tiada persefahaman untuk berpisah bagi meneruskan kehidupan baru. Pasangan yang telah bercerai boleh memilih untuk meneruskan kehidupan berumah tangga bersama pasangan baru yang mungkin lebih memberi kenikmatan dan kebahagiaan sebenar kepada mereka.

Perceraian juga memberi pengalaman dan pengajaran pahit kepada suami dan isteri. Mereka yang terlibat akan timbul rasa insaf dan sedar kelemahan masing-

masing. Seterusnya pengalaman ini akan dapat memperbaiki diri dalam kehidupan berumah tangga pada masa akan datang.

Jika diteliti lebih mendalam, perceraian mungkin dapat menyedarkan pasangan suami dan isteri tentang kepentingan menghayati ajaran Islam sebagaimana yang digariskan oleh syarak. Islam telah menggariskan tanggungjawab suami, isteri dan tanggungjawab bersama antara suami dan isteri. Andai kata tanggung jawab ini dibaikan sama ada secara sedar atau jahil tentang perkara tersebut, maka akan berlakulah bibit-bibit pergolakan dalam rumah tangga yang akhirnya membawa kepada perceraian.

Perceraian boleh juga dianggap sebagai jalan penyelesaian untuk mengurangkan tekanan perasaan kepada pasangan yang tidak ada persefahaman atau sering bergaduh. Sifat semula jadi manusia yang mudah tersinggung dan dendam akan membawa kepada memendam rasa dan tekanan emosi yang kuat, sehingga menimbulkan penyakit kemurungan. Ketika situasi sedemikian, perceraian mungkin adalah satu-satunya penawar mujarab kepada penyakit tersebut.

## **2.7. Kesimpulan**

Perbuatan seorang suami melafazkan ucapan *ṭalāq* kepada isteri adalah sah hukumnya dengan syarat-syarat seperti yang dijelaskan di atas. Walau di mana perbuatan itu dilakukan ia dianggap sah menurut syarak. Namun begitu Enakmen

Undang-Undang Keluarga Islam Selangor telah menggubal undang-undang untuk membatasi perbuatan ini dan untuk menjaga masalah umum umat Islam di Selangor. Semua perceraian yang dibenarkan oleh Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Selangor hendaklah dilakukan di hadapan Mahkamah dan dengan kebenaran Mahkamah. Oleh itu sebarang perceraian tanpa kebenaran dan dilakukan di luar Mahkamah adalah menyalahi enakmen ini. Larangan ini telah diperuntukkan di bawah Seksyen 124. Sebenarnya peruntukan ini tidak bertujuan untuk menyekat kuasa *ṭalāq* yang sedia ada di tangan pihak suami. Namun menerusi peruntukan ini ia diharap dapat mengelakkan perceraian tanpa kawalan dalam kalangan masyarakat Islam. Perbuatan yang halal namun dibenci oleh Allah adalah lafaz *ṭalāq*. Oleh itu perbuatan melafazkan *ṭalāq* di luar Mahkamah dianggap satu perbuatan yang tidak beretika. Islam itu sendiri menitikberatkan hubungan baik yang terjalin di antara individu manusia apatah lagi hubungan di antara suami dan isteri.

### **BAB III**

## **KES-KES BERKAITAN PERCERAIAN DI MAHKAMAH SYARIAH NEGERI SELANGOR**



### **3.1. Pendahuluan**

Mahkamah Syariah Selangor menjalankan kuasanya sebagaimana yang telah diperuntukkan di bawah enakmen pentadbiran hukum syarak negeri. Secara umumnya bidang kuasa tersebut merangkumi bidang kuasa Mal dan bidang kuasa Jenayah. Kes-kes berkaitan perceraian adalah di bawah bidang kuasa Mal, yang memberi kuasa kepada Mahkamah Syariah untuk mendengar dan memutuskan prosiding perkara tersebut dalam kalangan orang Islam. Peruntukan undang-undang yang diguna pakai dalam kes-kes tersebut ialah Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Selangor 2003. Enakmen ini adalah pindaan daripada EUKIS No.4 1984, bagi mengkanunkan peruntukan-peruntukan tertentu mengenai perkahwinan, perceraian, nafkah, penjagaan anak, dan lain-lain perkara berhubungan dengan kehidupan keluarga Islam di negeri Selangor.

### **3.2. Bidangkuasa mengenai perceraian.**

Perceraian atau pembubaran perkahwinan hanya dapat dilakukan di negeri Selangor sekiranya ia memenuhi kehendak-kehendak perundangan di bawah Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Selangor 2003 seperti dalam seksyen 45 seperti berikut;

*45. Kecuali sebagaimana diperuntukkan selainnya dengan nyata, tiada apa-apa jua dalam Enakmen ini membolehkan Mahkamah membuat sesuatu perintah perceraian atau perintah mengenai perceraian atau membenarkan seseorang suami melafazkan talak kecuali*

*(a) jika perkahwinan itu telah didaftarkan atau disifatkan sebagai didaftarkan di bawah Enakmen ini.*

*(b) jika perkahwinan itu telah dilangsungkan mengikut Hukum Syara'; dan  
(c) jika pemastautinan salah satu pihak kepada perkahwinan itu pada masa permohonan itu diserahkan adalah dalam Negeri Selangor.*

Setiap kes perceraian yang akan dibawa ke Mahkamah Syariah di Selangor mestilah terlebih dahulu perkahwinan itu berdaftar di mana-mana pejabat agama Islam di negara ini. Perkahwinan tersebut juga akan diperakui setelah akur dengan syarat-syarat seperti membuat lafaz *ta'liq* dan menjelaskan bayaran yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa. Seperti mana yang dikehendaki dalam seksyen 25 dan memenuhi kehendak-kehendak seksyen 26 dan 31 Undang-Undang Keluarga Islam Selangor iaitu;

*25. Perkahwinan selepas tarikh yang ditetapkan tiap-tiap orang yang bermastautin dalam Negeri Selangor dan perkahwinan tiap-tiap orang yang tinggal di luar negeri tetapi bermastautin dalam Negeri Selangor hendaklah didaftarkan mengikut Enakmen ini.*

Sekiranya sesuatu perkahwinan yang dibuat di luar negeri Selangor atau di luar negara, pasangan yang berkahwin hendaklah mendaftarkan perkahwinan mereka kepada mana-mana konsol yang berhampiran, dan perkahwinan itu akan dianggap sah seperti seksyen 31 seperti berikut;

*31. (1) Jika seseorang yang bermastautin dalam negeri Selangor Perkahwinan telah berkahwin di luar Malaysia dengan sah mengikut Hukum Syara', bukannya satu perkahwinan yang didaftarkan di bawah seksyen 24, maka orang itu hendaklah, dalam masa enam bulan selepas tarikh perkahwinan itu, hadir di hadapan Pendaftar Perkahwinan, Perceraian dan Ruju' Orang Islam yang berhampiran sekali atau yang terdapat dengan paling senang di luar negeri untuk mendaftarkan perkahwinan itu, dan perkahwinan itu, setelah didaftarkan, hendaklah disifatkan sebagai didaftarkan di bawah Enakmen ini.*

Pada umumnya, seksyen 45 iaitu memohon pembubaran perkahwinan adalah tertakluk kepada sesuatu perkahwinan yang telah didaftarkan di Pejabat Agama Islam Negeri masing-masing. Namun begitu, setelah penalti dikenakan, pembubaran perkahwinan masih boleh dilakukan di bawah seksyen 45 (b) seperti berikut;

*45. (b) jika perkahwinan itu telah dilangsungkan mengikut Hukum Syarak.*

### **3.3. Peruntukan Undang-Undang Berkaitan Perceraian**

#### 1. Seksyen 45.

Seksyen ini meperuntukkan tentang takat kuasa untuk membuat sesuatu perintah perceraian oleh pihak Mahkamah. Dalam seksyen ini hanya Mahkamah Syariah sahaja di bawah enakmen ini yang boleh membenarkan suami melafazkan perceraian setelah memenuhi ciri-ciri berikut;

- i *Perkahwinan yang telah didaftarkan mengikut Enakmen.*
- ii *Perkahwinan mengikut hukum Syarak.*
- iii *Salah satu pasangan pemastautin di Selangor.*

Kes-kes berkaitan perceraian yang dibicarakan di seluruh Mahkamah Syariah di negeri Selangor pada tahun 2005 yang dikeluarkan oleh Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor adalah seperti berikut;

	<b>Jenis Perceraian</b>	<b>Bilangan Kes</b>
1	<i>Fasakh</i>	460
2	<i>Faraq</i>	61
3	Pengesahan Cerai	1554
4	Permohonan Cerai	1903
5	<i>Ta'liq</i>	261
6	<i>Khulu'</i>	6
	<b>JUMLAH</b>	<b>4245</b>

2. Seksyen 46.

Seksyen ini memperuntukkan tentang pertukaran agama salah seorang sama ada suami atau isteri, pembubaran perkahwinan boleh dibuat oleh pihak Mahkamah. Sekiranya salah satu murtad, Mahkamah berhak, atas bidang kuasanya membubarkan perkahwinan setelah berpuas hati perkara itu berlaku. Begitu juga bagi pasangan bukan Islam yang memeluk agama Islam memerlukan pengesahan Mahkamah untuk membubarkan perkahwinan terdahulu. Pada tahun 2005, sebanyak 6 kes didaftarkan di seluruh Mahkamah Syariah negeri Selangor berkaitan pembubaran perkahwinan.

3. Seksyen 47.

Seksyen ini memperuntukkan asas kepada semua pasangan yang ingin melakukan perceraian dengan *talāq* biasa. Dalam seksyen 47(1) menjelaskan pasangan yang hendak bercerai mestilah menyerahkan suatu permohonan untuk perceraian kepada Mahkamah dalam borang yang telah ditetapkan. Namun begitu, dalam seksyen 47(15) menerangkan sekiranya pihak mahkamah akan menyerahkan kepada Jawatan Kuasa Pendamai sekiranya salah satu pihak tidak bersetuju dengan perceraian tersebut.

Dalam seksyen 47 ini dengan jelas menyebut iaitu sebarang perceraian antara pasangan suami dan isteri hendaklah melalui proses permohonan perceraian kepada Mahkamah. Di negeri Selangor, isteri yang ingin diceraikan oleh suaminya mesti terlebih dahulu datang mengadu kepada Pejabat Agama Islam Daerah masing-

masing. Pihak pejabat agama akan memanggil pihak suami untuk mengetahui punca sebenar masalah yang timbul dan menasihati pasangan itu agar berdamai.

Setelah usaha perdamaian yang dilakukan menemui jalan buntu, satu surat akuan akan dikeluarkan untuk dipanjangkan kepada pihak Mahkamah. Apabila perkara ini dibawa kepada pihak Mahkamah maka bermulalah proses seperti dalam seksyen 47 di atas. Statistik perceraian melalui *talāq* biasa pada tahun 2005 adalah seperti berikut;

Baki Tahun Sebelum	Daftar Tahun Semasa	Buang Kes	Pindah Kes	Tarik Balik /Sulh	Selesai Bicara	Baki Ke Hadapan
740	3457	139	1	655	3226	971

#### 4. Seksyen 49.

Seksyen ini menyebut tentang isteri yang ingin melakukan *khulu'*. Dalam memutuskan perkara *khulu'* ini pihak Mahkamah terlebih dahulu meneliti sekiranya pasangan itu boleh didamaikan maka Mahkamah akan menubuhkan jawantan kuasa sebagaimana yang dikehendaki dalam seksyen 47 di atas. Jika suami tidak bersetuju dengan kadar bayaran itu maka pihak Mahkamah akan mentaksirkan jumlah mengikut taraf dan sumber kewangan pihak-pihak terbabit. Statistik perceraian melalui *khulu'* pada tahun 2005 adalah seperti berikut;

Baki Tahun Sebelum	Daftar Tahun Semasa	Buang Kes	Pindah Kes	Tarik Balik	Selesai Bicara	Baki Ke Hadapan
38	6	1	0	1	6	37

5. Seksyen 50.

Seksyen ini menjelaskan tentang perceraian secara *ta'liq* atau janji. Setiap pasangan yang berkahwin di negeri Selangor akan menjalani proses *ta'liq* ke atas isterinya sejeurus selepas akad nikah dijalankan. Sebarang pelanggaran syarat-syarat *ta'liq* oleh suami maka isteri berhak memohon perceraian kepada pihak Mahkamah. Namun begitu, dalam seksyen 50(2) ada menyebut tentang Mahkamah berhak membuat perbicaraan sebagai satu proses penyiasatan untuk mengesahkan berlakunya *ta'liq*. Setelah pihak Mahkamah berpuas hati suami telah melanggar syarat-syarat *ta'liq* tersebut, pihak Mahkamah akan merekodkan perceraian itu dan menghantar satu salinan kepada pendaftar perkahwinan daerah terbabit untuk direkodkan. Statistik perceraian melalui *ta'liq* pada tahun 2005 adalah seperti berikut;

Baki Tahun Sebelum	Daftar Tahun Semasa	Buang Kes	Pindah Kes	Tarik Balik	Selesai Bicara	Baki Ke Hadapan
263	261	31	1	18	255	269

6. Seksyen 52.

Seksyen ini memperuntukkan mengenai pembubaran perkahwinan secara *fasakh*. Jumlah kes berkaitan *fasakh* pada tahun 2005 ialah sebanyak 363 kes. Menurut seksyen ini setiap isteri yang telah berkahwin mengikut hukum *Syara'* adalah berhak untuk membubarkan perkahwinan secara *fasakh* atas salah satu sebab-sebab berikut;

- i. Suami tidak dapat dikesan selama tempoh lebih setahun.
- ii. Suami cuai atau tidak memberi nafkah selama tempoh tiga bulan.

*iii. Suami ditahan di dalam penjara selama tempoh tiga tahun atau lebih.*

Dalam sub-seksyen ini, sebab i hingga iii, pihak Mahkamah tidak boleh mengeluarkan perintah pembubaran perkahwinan atau *fasakh* melainkan suami tersebut telah disahkan menjalani hukuman penjara selama tiga tahun atau lebih. Permohonan pembubaran perkahwinan juga mesti dibuat setelah suami menjalani satu tahun daripada tiga tahun hukuman tersebut.

*iv. Suami tidak menunaikan tanggungjawab perkahwinan (nafkah batin) selama tempoh satu tahun.*

*v. Suami mati pucuk dan isteri tidak mengetahui keadaan tersebut semasa perkahwinan berlaku.*

Sebelum pihak Mahkamah membuat suatu perintah pembubaran perkahwinan melalui proses *fasakh* sub-seksyen ini, iv dan v, pihak Mahkamah hendaklah atas permohonan suami, membuat satu perintah menghendaki suami memberi alasan yang munasabah dalam tempoh enam bulan dari tarikh perintah ini bahawa dia tidak lagi mati pucuk. Sekiranya pihak Mahkamah berpuas hati dengan alasan suami tersebut, pembubaran perkahwinan secara *fasakh* tidak boleh dilakukan oleh pihak Mahkamah.

*vi. Suami gila, berpenyakit kusta, vitiligo atau berpenyakit kelamin yang boleh berjangkit.*

- vii. Perempuan yang dikahwinkan oleh bapa atau datuknya sebelum mencapai umur enam belas tahun, menolak perkahwinan tersebut sebelum mencapai umur lapan belas tahun dan dia belum disetubuhi oleh suaminya.
- viii. Suami menganiayai isteri.
- ix. Suami dengan sengaja enggan menyetubuhi isterinya selama empat bulan atau lebih.
- x. Isteri tidak bersetuju dengan perkahwinan tersebut atas sebab paksaan atau kesilapan yang munasabah.
- xi. Isteri yang disahkan sakit otak oleh Ordinan Sakit Otak 1952 yang mengakui tidak layak untuk berkahwin.

Statistik perceraian melalui *fasakh* pada tahun 2005 adalah seperti berikut;

Baki Tahun Sebelum	Daftar Tahun Semasa	Buang Kes	Pindah Kes	Tarik Balik	Selesai Bicara	Baki Ke Hadapan
269	460	53	1	39	366	363

### 3.4. Permohonan Perceraian

Sebarang pertelingkahan atau pergaduhan antara pasangan suami dan isteri yang berlaku di rumah atau di mana-mana sahaja, suami ditegah untuk melafazkan *talāq* kepada isteri. Seksyen 47 dengan jelas menerangkan bahawa sebarang perceraian atau *talāq* mesti dilakukan di hadapan dan dengan kebenaran pihak Mahkamah setelah siatan dijalankan dan Mahkamah berpuas hati berbuat demikian. Selain itu pihak Mahkamah berpuas hati dengan pendaftaran perkahwinan yang dibuat mengikut peraturan yang telah ditetapkan maka pasangan yang ingin



melakukan perceraian bolehlah memohon perceraian. Permohonan tersebut ialah melalui proses mengisi borang Permohonan Perceraian sebagaimana dalam peruntukan yang telah ditetapkan. Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam 2003 telah memperuntukkan berkaitan perceraian di Bahagian V, Pembubaran Perkahwinan, di bawah seksyen 47 seperti berikut;

- 47. (1) Seseorang suami atau seseorang isteri yang hendak bercerai hendaklah menyerahkan suatu permohonan untuk perceraian kepada Mahkamah dalam borang yang ditetapkan, disertai dengan suatu akuan mengandungi;*
- (a) butir-butir mengenai perkahwinan itu dan nama, umur dan jantina anak-anak jika ada hasil daripada perkahwinan itu;*
  - (b) butir-butir mengenai fakta-fakta yang memberi bidangkuasa kepada Mahkamah di bawah seksyen 45;*
  - (c) butir-butir mengenai apa-apa prosiding yang dahulu mengenai hal ehwal suami isteri antara pihak-pihak itu, termasuk tempat prosiding itu;*
  - (d) suatu pernyataan tentang sebab-sebab hendak bercerai;*
  - (e) suatu pernyataan tentang sama ada apa-apa dan jika ada, apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mencapai perdamaian;*
  - (f) syarat apa-apa perjanjian berkenaan dengan nafkah dan tempat kediaman bagi isteri dan anak-anak dari perkahwinan itu jika ada, peruntukan bagi pemeliharaan dan penjagaan anak-anak dari perkahwinan itu jika ada dan pembahagian apa-apa aset yang diperolehi melalui usaha bersama pihak-pihak itu jika ada atau jika tiada sesuatu persetujuan tersebut telah tercapai, cadangan pemohon mengenai hal-hal itu; dan*
  - (g) butir-butir mengenai perintah yang diminta.*

Dalam seksyen ini terdapat tujuh belas sub-seksyen yang menjelaskan dengan panjang lebar berkaitan prosedur dan peraturan kepada pasangan yang ingin memohon perceraian di negeri Selangor. Setiap perceraian yang dilakukan di negeri ini, mestilah akur dengan kehendak-kehendak seksyen 47 seperti di atas. Namun

terdapat kes berlakunya perceraian di luar Mahkamah yang menuntut kepada satu pengesahan oleh Mahkamah berkaitan perceraian yang telah berlaku. Perkara ini merujuk kepada seksyen 54(4) yang telah memperincikan tentang keperluan memanjangkan perintah Mahkamah tentang keputusan perceraian kepada pendaftar nikah dan cerai daerah terbabit untuk didaftarkan pasangan tersebut telah bercerai.

*54(4) Jika sesuatu lafaz talak di hadapan Mahkamah atau sesuatu perintah perceraian atau pembatalan, di mana jua telah diberi, telah membubarkan sesuatu perkahwinan yang telah diakadnikahkan dalam Negeri Selangor dan telah didaftarkan di bawah Enakmen ini atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berkuatkuasa sebelum Enakmen ini, Pendaftar yang berkenaan dan Ketua Pendaftar hendaklah apabila mendaftarkan talak atau perintah itu mengarahkan supaya catatan mengenai perkahwinan itu dalam Daftar Perkahwinan ditandakan dengan perkataan "Dibubarkan" dan dengan rujukan mengenai perbicaraan dalam mana talak itu telah dilafazkan atau perintah itu telah dibuat.*

Namun begitu, sebarang perceraian yang dilakukan di luar Mahkamah dan tanpa kebenaran Mahkamah adalah bercanggah dengan seksyen 124, EUKIS, perkara ini akan diperincikan dalam bab seterusnya.

### 3.5. Statistik Perbicaraan Kes Berkaitan Perceraian di Mahkamah-Mahkamah Syariah Negeri Selangor

#### 3.5.1. Statistik Kes Selesai Perbicaraan 2005

<b>Mahkamah</b>	<i>Fasakh</i>	<i>Farak</i>	<b>Pengesahan Cerai</b>	<b>Permohonan Cerai</b>	<i>Ta'liq</i>	<i>Lian</i>	<i>Khulu'</i>
Mahkamah Tinggi Shah Alam (Dewan 1 dan 2)	26	0	4	29	9	0	0
Mahkamah Rendah Shah Alam	22	9	283	276	29	0	1
Mahkamah Rendah Petaling Jaya	55	5	227	221	13	0	1
Mahkamah Rendah Gombak Timur	31	3	82	160	21	0	1
Mahkamah Rendah Gombak Barat	25	0	150	192	17	0	0
Mahkamah Rendah Hulu Selangor	27	0	59	59	18	0	0
Mahkamah Rendah Klang	40	15	219	213	57	0	0
Mahkamah Rendah Kuala Langat	7	0	46	94	26	0	0
Mahkamah Rendah Hulu Langat	105	7	285	329	36	0	1
Mahkamah Rendah Kuala Selangor	13	2	40	85	4	0	0
Mahkamah Rendah Sabak Bernam	8	10	45	77	16	0	0
Mahkamah Rendah Sepang	7	1	49	47	9	0	2
<b>Jumlah</b>	<b>273</b>	<b>51</b>	<b>1346</b>	<b>1557</b>	<b>205</b>	<b>0</b>	<b>4</b>

Dalam jadual di atas, pada keseluruhannya statistik kes perceraian pada tahun 2005 adalah sebanyak 3436 kes. Daripada jumlah tersebut, permohonan pengesahan perceraian adalah sebanyak 1346 kes atau 39%. Kes-kes yang dikategorikan di bawah Pengesahan Cerai adalah kes-kes perceraian yang dilakukan di luar Mahkamah dan kes-kes Permohonan Cerai iaitu pasangan suami isteri yang

memohon untuk bercerai mengikut prosedur yang ditetapkan oleh seksyen 45 EUKIS. Jumlah permohonan cerai dan pengesahan cerai adalah sebanyak 2903, daripada jumlah tersebut sebanyak 1346 atau 46% adalah perceraian di luar Mahkamah.

Statistik di atas adalah kes-kes berkaitan perceraian yang telah selesai melalui proses perbicaraan di Mahkamah-Mahkamah Syariah di negeri Selangor. Walau bagaimanapun, terdapat banyak permohonan berkaitan perceraian yang ditangguh oleh mahkamah. Oleh itu kes berkaitan perceraian sebenar iaitu jumlah kes selesai bicara (3436) dan jumlah kes tangguh (7965) yang didaftarkan di Mahkamah-Mahkamah Syariah di negeri Selangor pada tahun 2005 adalah sebanyak 11401 kes.

### 3.5.2. Statistik Kes Tangguh Perbicaraan Tahun 2005

<b>Mahkamah</b>	<i>Fasakh</i>	<i>Farak</i>	<b>Pengesahan Cerai</b>	<b>Permohonan Cerai</b>	<i>Ta'liq</i>	<i>Lian</i>	<i>Khulu'</i>
Mahkamah Tinggi Shah Alam (Dewan 1 dan 2)	3	0	0	0	0	3	0
Mahkamah Rendah Shah Alam	283	16	433	543	190	0	2
Mahkamah Rendah Petaling Jaya	347	12	219	325	111	0	1
Mahkamah Rendah Gombak Timur	167	8	98	296	66	0	1
Mahkamah Rendah Gombak Barat	316	4	387	533	176	0	0
Mahkamah Rendah Hulu Selangor	119	0	92	89	118	0	0
Mahkamah Rendah Klang	227	36	320	254	334	0	0
Mahkamah Rendah Kuala Langat	88	0	139	173	103	0	19
Mahkamah Rendah Hulu Langat	0	0	0	0	0	0	0
Mahkamah Rendah Kuala Selangor	121	4	236	352	119	0	0
Mahkamah Rendah Sabak Bernam	67	9	56	149	38	0	0
Mahkamah Rendah Sepang	40	5	28	60	22	0	8
<b>Jumlah</b>	<b>1778</b>	<b>94</b>	<b>2008</b>	<b>2774</b>	<b>1277</b>	<b>3</b>	<b>31</b>

Dalam statistik di atas, sebanyak 2008 jumlah kes pengesahan cerai mendapat penangguhan yang dikeluarkan oleh pihak Mahkamah seluruh negeri Selangor. Secara nalisa dari jadual statistik selesai perbicaraan dan statistik kes tangguh, pada keseluruhan kes berkaitan perceraian luar Mahkamah yang dibawa untuk perbicaraan ialah sebanyak 3354 kes pada tahun 2005.

Keputusan tangguh kes yang dikeluarkan oleh Mahkamah selalunya disebabkan oleh pemohon sendiri. Pemohon yang melakukan perceraian di luar Mahkamah yang telah menjalani proses pengaduan di pejabat agama Islam, seterusnya dibawa kes ke Mahkamah, tetapi pasangan terbabit tidak hadir untuk perbicaraan pengesahan perceraian. Mereka telah menghilangkan diri tanpa pengesahan cerai. Ada kemungkinan pasangan itu telah kembali menjadi suami isteri semula atau sebaliknya tanpa pengetahuan pihak berkuasa iaitu pejabat agama Islam. Dalam kes *Mohd Termizi Bin Khalip (plaintif) lawan Nor Sumaiyah Bt. Mohd Yahya (defendan)*<sup>35</sup>, surat pemberitahuan tentang tarikh sebutan telah dihantar kepada pemohon dan pemohon tidak menghidiri prosiding sebanyak lima kali iaitu pada 31 Mac 2004, 7 April 2004, 14 April 2004, 11 Mei 2005 dan 4 Januari 2005. Setelah membuat beberapa kali penangguhan kes oleh pihak mahkamah, pada 4 Januari 2005 Y.A. Hakim Mohd Fouzi Bin Mokhtar membuat keputusan buang kes.

Dalam kes di atas, semua tarikh-tarikh sebutan untuk perbicaraan yang dikeluarkan oleh pihak Mahkamah, palintif dan defendan tidak menghadirkan diri, akan menyebabkan pihak Mahkamah menghabiskan masa yang sepatutnya digunakan untuk menyelesaikan kes-kes pemohon yang masih menunggu giliran mereka. Perbicaraan dalam satu hari diperuntukkan lebih kurang lima belas kes. Bagi pemohon yang tidak hadir perbicaraan, ruang masa tersebut tidak boleh diganti dengan serta merta kerana perlu kepada proses penghantaran surat makluman sebutan kes kepada pemohon terlebih dahulu.

---

<sup>35</sup> Kes Mal Mahkamah Rendah Syariah Klang Bil. 10003-054-188-2004

### 3.6. Kesimpulan

Mahkamah Syariah Negeri Selangor mempunyai bidang kuasa berkaitan sesuatu perceraian yang dilakukan oleh pasangan suami dan isteri dalam negeri Selangor. Ini adalah berdasarkan seksyen 45 Enakmen Undang-Undang Islam Negeri Selangor 2003. Seksyen tersebut memberi bidang kuasa yang jelas bagi Mahkamah Syariah untuk mengesahkan dan mendaftarkan perceraian yang berlaku. Namun begitu sekiranya sesuatu perceraian telah berlaku di luar Mahkamah, seksyen 47 dalam undang-undang yang sama telah memperuntukkan agar pasangan terbabit membuat satu pengesahan perceraian.

Sebagai prosedur biasa, sebelum pengesahan sesuatu perceraian, Mahkamah akan terlebih dahulu mengadakan perbicaraan untuk memastikan sama ada lafaz *talāq* suami adalah sah mengikut hukum syarak. Sekiranya perlu, saksi-saksi akan dipanggil untuk memberi bukti ke Mahkamah. Mahkamah juga akan melihat kepada elemen-elemen perceraian *talāq* untuk menentukan jumlah dan kesahan lafaz *talāq*. Setelah proses perbicaraan dijalankan, satu perintah pengesahan perceraian akan dikeluarkan kepada jabatan agama Islam daerah berkenaan untuk direkodkan.

Penangguhan kes terutamanya perbicaraan pengesahan perceraian dapat dikurangkan sekiranya pihak suami dan isteri menghadiri perbicaraan apabila dipanggil oleh pihak Mahkamah. Tempoh masa yang diambil oleh pihak Mahkamah dalam proses menyelesaikan kes berkaitan pengesahan perceraian tidak mengambil masa yang lama. Dalam kes *Mohd. Sabrulaman Bin Che Noh lawan Norizan Binti*

*Abdul Majid*<sup>36</sup>, pihak suami (Mohd. Sabrulaman Bin Che Noh) telah melafazkan *talāq* kepada isterinya (Norizan Binti Abdul Majid) pada 28 Februari 2004. Permohonan tuntutan pengesahan perceraian telah diajukan kepada pihak Mahkamah, pada 31 April 2004 perbicaraan kes tersebut telah dijalankan dan perintah pengesahan perceraian dikeluarkan oleh pihak Mahkamah. Dalam kes *Ahmad Danuri Bin Parman lawan Raja Rahimah Binti Raja Abdul Halim*<sup>37</sup>, suami telah melafazkan *talāq* kepada isterinya pada 14 Februari 2004, perbicaraan telah dijalankan pada 19 Mei 2004 yang memutuskan telah jatuh *talāq* satu dan pengesahan perceraian dikeluarkan. Kes-kes tersebut di atas tidak mengambil tempoh masa yang lama apabila pasangan yang melakukan perceraian di luar Mahkamah dan tanpa kebenaran Mahkamah menghadiri perbicaraan apabila dipanggil untuk proses perbicaraan.

---

<sup>36</sup> Kes Mal Mahkamah Rendah Syariah Klang Bil. 054-177-2004.

<sup>37</sup> Kes Mal Mahkamah Rendah Syariah Klang Bil. 054-165-2004



#### **BAB IV**

### **PERCERAIAN LUAR MAHKAMAH DAN TANPA KEBENARAN MAHKAMAH MENURUT SEKSYEN 124 EUKIS TAHUN 1984**

#### 4.1. Pendahuluan

Kewujudan peruntukan perceraian di luar Mahkamah dan tanpa kebenaran Mahkamah seperti dalam seksyen 124 EUKIS tahun 1984 di Selangor, pindaan kepada seksyen 125 EUKIS 2003, khususnya dan di negeri-negeri lain di Malaysia umumnya, mempunyai latar belakang tersendiri. Sebelum peruntukan ini digubal, timbul pelbagai masalah kekeluargaan khususnya masalah perceraian. Oleh kerana perkara ini agak sukar diselesaikan maka peruntukan ini digubal di bawah bidangkuasa Mahkamah Syariah negeri Selangor. Perceraian di luar Mahkamah dan tanpa kebenaran Mahkamah adalah melakukan satu kesalahan di bawah Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Selangor 1984 seperti mana yang diperuntukkan dalam seksyen-seksyen berikut;

*124. Jika seseorang lelaki menceraikan isterinya dengan melafazkan talaq dengan apa-apa bentuk di luar Mahkamah dan tanpa kebenaran Mahkamah itu maka ia adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah dihukum dengan denda tidak lebih daripada satu ribu ringgit atau dengan penjara tidak lebih daripada enam bulan atau dengan kedua-duanya denda dan penjara itu.*

*125. (1) Jika seseorang berkewajipan membuat sesuatu laporan di bawah Enakmen ini dan ianya bersengaja cuai atau tidak berbuat demikian maka ia adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah dihukum dengan denda tidak lebih daripada satu ribu ringgit atau dengan penjara tidak lebih daripada enam bulan atau dengan kedua-duanya denda dan penjara itu.*

*(2) Jika seseorang berkewajipan membuat sesuatu laporan atau dikehendaki mengemukakan sesuatu permohonan di bawah Enakmen ini atau dikehendaki memberi sesuatu maklumat atau menyempurnakan atau menandatangani apa-apa dokumen yang perlu di sisi undang-undang bagi maksud melaksanakan pendaftaran dokumen itu dan ianya bersengaja cuai atau tidak membuat laporan itu atau mematuhi kehendak itu maka ia adalah*

*melakukan suatu kesalahan dan hendaklah dihukum dengan denda tidak lebih daripada satu ribu ringgit atau dengan penjara tidak lebih daripada enam bulan atau dengan kedua-duanya denda dan penjara itu.*

#### **4.2. Proses Pengesahan Dan Pendaftaran Perceraian Luar Mahkamah**

Mengikut peruntukan undang-undang yang sedia ada seperti di atas, setiap pasangan yang melakukan perceraian di luar Mahkamah adalah melakukan satu kesalahan dan dikenakan penalti sebagaimana yang diperuntukan dalam seksyen 124. Pada kebiasaannya, suami yang menceraikan isterinya di luar Mahkamah akan mengadu kepada pihak pejabat agama Islam daerah masing-masing untuk memaklumkan perbuatan mereka. Setelah itu pihak pejabat agama akan panjangkan aduan pengadu kepada pihak Mahkamah Syariah. Pengadu akan dikeluarkan saman di bawah peruntukan seksyen 8 (a)<sup>38</sup> untuk dipanggil satu perbicaraan untuk pengesahan perceraian di bawah seksyen 47. Pengadu akan membuat pengakuan dalam Mahkamah semasa perbicaraan untuk mengesahkan perceraian seperti yang dikehendaki di bawah seksyen 47 tersebut. Pihak Mahkamah akan mengesahkan perceraian mereka sekiranya berpuas hati tentang perbuatan perceraian itu sah mengikut hukum *syara'*.

Dalam perbicaraan tersebut, Mahkamah akan menentukan lafaz serta jumlah *talāq* yang telah dilakukan oleh suami semasa menjatuhkan *talāq* kepada isteri di luar mahkamah. Hampir semua kes yang dirujuk menunjukkan kecenderungan suami

---

<sup>38</sup> Enakmen 4 Tahun 2003, Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003

mengaku melakukan *ṭalāq* atau perceraian terhadap isterinya. Perbicaraan ini juga pada kebiasaannya mengambil masa yang ringkas kerana suami akan membuat pengakuan tentang perceraian yang telah lakukan terhadap isterinya. Di bawah adalah beberapa contoh kes yang dibicarakan di bawah seksyen 47, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Selangor.

#### Kes I

Kes Mal Mahkamah Rendah Syariah Klang, Bil : 054-141-2004  
Tarikh : 19/5/04  
Plaintif : Daud Bin Baki  
Defendan : Siti Mariam Bt. Ahmad  
Keputusan Mahkamah : Jatuh *talak* satu.

#### Kes II

Kes Mal Mahkamah Rendah Syariah Klang, Bil : 054-144-2004  
Tarikh : 19/05/04  
Plaintif : Azmi Bin Mohd. Noor  
Defendan : Norafidah Bt. Sanusi  
Keputusan Mahkamah : Jatuh *talak* tiga.

Perbicaraan di atas adalah diputuskan oleh Hakim Yang Arif Tuan Muhamed Fouzi Bin Mokhtar, iaitu hakim Mahkamah Rendah Syariah Daerah Klang. Berdasarkan kes-kes di atas, jelas menunjukkan bahawa perbicaraan berkaitan pengesahan perceraian hanyalah untuk mendapat pengesahan pihak Mahkamah tentang kesahan lafaz *ṭalāq* dan jumlah *ṭalāq* yang telah dilakukan.

Setelah proses perbicaraan untuk mengesahkan perceraian, satu perintah pendaftaran pengesahan perceraian luar Mahkamah akan dikeluarkan kepada pihak

Pendaftar Nikah Cerai dan Rujuk, pejabat agama Islam berkaitan. Setelah pasangan yang bercerai melalui proses pengesahan di bawah seksyen 47, mereka sepatutnya akan dikenakan tindakan penalti di bawah seksyen 124 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Selangor 1984 atau (pindaan) seksyen 125 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Selangor 2003 iaitu perceraian di luar Mahkamah dan tanpa kebenaran Mahkamah.

Namun begitu, dalam kajian yang telah dijalankan, mereka terbabit di bawah seksyen 47 ini tidak dipanggil untuk tindakan penalti tersebut. Dalam kes *Zaidah Binti Wakiman lawan Nor Azman Bin Daud*<sup>39</sup>, *Mohammad Nasir Bin Abu Hassan lawan Aishah Binti Ibrahim*<sup>40</sup> dan *Normah Binti Sulaiman lawan Md. Sahak Bin Rujihan*<sup>41</sup>, pengesahan cerai di bawah seksyen 47 telah diputus oleh Mahkamah Syariah Klang dengan keputusan jatuh talak satu. Semua kes di atas telah dibicarakan di bawah seksyen 47 dan pihak Mahkamah telah mengesahkan berlakunya perceraian kepada pasangan tersebut, tetapi tiada sebarang tindakan di bawah seksyen 124 hingga kajian ini dijalankan. Mereka yang dibicarakan serta disahkan melakukan perceraian di luar Mahkamah seperti kes-kes di atas tidak disenaraikan sebagai melanggar seksyen 124, dan pasangan tersebut bebas tanpa sebarang tindakan undang-undang seperti yang diperuntukkan.

---

<sup>39</sup> Kes Mal Mahkamah Rendah Syariah Klang Bil : 054-157-2004.

<sup>40</sup> Kes Mal Mahkamah Rendah Syariah Klang Bil : 054-154-2004.

<sup>41</sup> Kes Mal Mahkamah Rendah Syariah Klang Bil : 054-144-2004.

Sesuatu perceraian atau *talāq* yang dilakukan di luar Mahkamah sepatutnya akan dikenakan penalti, namun begitu setelah selesai perbicaraan di bawah seksyen 47 untuk mengesahkan perceraian, pasangan tersebut ada yang bebas daripada tuduhan melanggar seksyen 124. Oleh itu perlu ada satu mekanisma untuk mendakwa mereka terbabit supaya tidak terlepas daripada tuduhan melakukan kesalahan di bawah seksyen 124.

Bagi pasangan yang melakukan perceraian dan gagal menghadiri perbicaraan seterusnya menghilangkan diri adalah perlu diambil tindakan engkar menghadiri perbicaraan. Dalam kes *Nor Azian Binti Ahmad lawan Fauzuly Bin Yaakob*<sup>42</sup>, telah melakukan perceraian di luar Mahkamah dan tanpa kebenaran Mahkamah pada tahun 1997 dan setelah perbicaraan di bawah seksyen 47, Mahkamah Rendah Syariah Petaling Jaya pada tahun 1998 memutuskan jatuh talak. Pihak suami iaitu Fauzuly Bin Yaakob<sup>43</sup> telah didakwa di bawah seksyen 124 pada 15 November 2005 tetapi gagal hadir, penangguhan dibuat kepada tarikh 18 Januari 2006, tertuduh juga tidak hadir. Kes tersebut ditangguh kepada tarikh 1 Mac 2003, tertuduh masih hadir, seterusnya tangguh kepada tarikh 21 Jun 2006 masih gagal hadir, dan pihak pendakwa memohon kepada Mahkamah untuk menutup kes tersebut tanpa sebarang tindakan susulan seperti menangkap tertuduh kerana engkar menghadiri perbicaraan tanpa sebarang alasan. Sekiranya pasangan terbabit telah hidup bersama semula sebagai pasangan suami dan isteri atau melakukan rujuk, mereka perlu merekodkan perceraian terdahulu seterusnya melakukan rujuk. Sekiranya berlaku rujuk tanpa

---

<sup>42</sup> Kes Mal Mahkamah Rendah Syariah Petaling Jaya Bil. 80 Tahun 1998.

<sup>43</sup> Kes Jenayah Mahkamah Rendah Syariah Shah Alam Bil. 10002-167-342-2006.

memaklumkan kepada pendaftar, pasangan tersebut telah melanggar seksyen 51 (2) dan (5) seperti berikut;

*(2) Jika, selepas sesuatu talaq raj'i, persekedudukan semula berlaku dengan persetujuan bersama pihak-pihak itu hendaklah melaporkan hal persekedudukan semula itu dan butir-butir lain yang berkaitan dalam tempoh tujuh hari kepada Pendaftar bagi kariah masjid di mana mereka bermastautin.*

*(5) Mana-mana pihak kepada suatu perkahwinan yang tidak melaporkan persekedudukan semula sebagaimana dikehendaki oleh seksyen-kecil (2) adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah dihukum dengan denda tidak lebih daripada lima ratus ringgit atau dengan penjara tidak lebih daripada enam bulan atau dengan kedua-duanya denda dan penjara itu.*

Oleh itu, pasangan yang melakukan perceraian seperti kes *Mohd Termizi Bin Khalip dan Nor Sumaiyah Bt. Mohd Yahya*<sup>44</sup> sepatutnya dikeluarkan saman untuk menghadiri prosiding di bawah seksyen 124 yang jika sabit kesalahan boleh dihukum dengan denda tidak lebih daripada satu ribu ringgit atau dengan penjara tidak lebih daripada enam bulan atau dengan kedua-duanya.

Pihak Mahkamah juga berhak memutuskan buang kes bagi plaintif yang gagal hadir ke perbicaraan yang sepatutnya dijalankan sebagaimana tarikh dan masa yang ditetapkan. Perkara ini telah dinyatakan dengan jelas dalam Enakmen Kanun Prosedur Mal Syariah Selangor 1991 Seksyen 115 seperti berikut;

*(1) Jika pada hari pembicaraan-*  
*(a) pihak-pihak tidak hadir, kes itu boleh dibuang;*  
*(b) defendan tidak hadir Mahkamah boleh (setelah dibuktikan penyampaian saman disempurnakan mengikut Hukum Syara' )*

---

<sup>44</sup> Kes Mal Mahkamah Rendah Syariah Klang Bil :10003-054-188-2004'

*membicara dan memutuskan kes itu semasa ketidakhadirannya:*

*Dengan syarat plaintif hendaklah mengangkat sumpah (Yamin Istizhar); atau*

*(c) plaintif tidak hadir, tuntutan boleh dibuang dan Mahkamah boleh membicarakan dan memutuskan mana-mana tuntutan balas jika ada.*

*(2) Mahkamah boleh mengikut budibicaranya dalam mana-mana kes tersebut memerintahkan penangguhan.*

*(3) Jika terdapat lebih dari satu plaintif atau defendan dan seorang sahaja hadir, mahkamah boleh membicarakan tindakan itu terhadap pihak yang hadir.*

Walaupun Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Selangor memperuntukkan dendaan kepada pasangan suami dan isteri melakukan perbuatan perceraian di luar Mahkamah, masih terdapat banyak pasangan yang melanggar tegahan itu. Banyak kes sedemikian telah dirujuk ke Mahkamah apabila pasangan tersebut ingin mendapat surat akuan perceraian sama ada untuk berkahwin semula dengan pasangan masing-masing atau apabila berlaku perebutan harta sepencarian. Walaupun pihak suami yang melakukan perceraian atau melafazkan *talāq* kepada isteri di luar Mahkamah, mana-mana pihak sama ada suami atau isteri berhak membuat tuntutan pengesahan perceraian ke Mahkamah. Dalam kes *Nor Hidayah Binti Bidin lawan Ismail Bin Che Deris*<sup>45</sup> dan dalam kes *Wan Norziah Binti Tajudin lawan Syed Redhwan Bin Syed Ahmad*<sup>46</sup>, pihak isteri telah membuat tuntutan pengesahan perceraian ke Mahkamah untuk mendapatkan surat akuan perceraian bagi membolehkannya berkahwinan dengan lelaki lain.

---

<sup>45</sup> Kes Mal Mahkamah Rendah Syariah Klang Bil. 054-167-2004.

<sup>46</sup> Kes Mal Mahkamah Rendah Syariah Klang Bil. 054-169-2004.



Seksyen 124, adalah salah satu seksyen yang dibaca di bawah tuduhan jenayah syarie. Seorang suami yang melakukan perceraian di luar Mahkamah adalah melakukan satu kesalahan yang boleh didakwa di bawah seksyen tersebut. Mereka yang melanggar seksyen ini terpaksa atau sepatutnya melalui dua kali perbicaraan iaitu perbicaraan mal dan jenayah. Dalam kes *Nadzrin bin Mohd Nawī lawan Noraini bt. Mohd Yunus*<sup>47</sup>, perbicaraan kes mal telah berlaku pada 12 April 2004, dan perbicaraan kes jenayah berlaku pada 16 November 2005. Perbicaraan mana yang lebih dahulu yang perlu dihadapi oleh orang tersebut, sama ada mal atau jenayah, bergantung kepada persiapan pihak pendakwa dalam mendapatkan segala bukti yang diperlukan. Proses penyelesaian melalui peruntukan undang-undang di Mahkamah, sama ada untuk membela atau menentang dalam sesuatu kes atau berlitigasi melalui Mahkamah bukanlah satu perkara yang mudah. Sebagai suatu mekanisma untuk menyelesaikan pertikaian, prosiding lebih merumitkan serta memerlukan masa tertentu. Dalam kes *Nadzrin bin Mohd Nawī lawan Pendakwa Syarie*<sup>48</sup>, tertuduh mengambil tempoh lebih daripada dua tahun untuk menyelesaikan kes cerai yang dilakukan di luar Mahkamah. Tarikh *ṭalāq* dilafazkan kepada isteri beliau Noraini bt. Mohd Yunus pada 13 Mac 2004, perbicaraan untuk mengesahkan perceraian berlaku pada 12 April 2004. Seterusnya tertuduh didakwa di bawah seksyen 124 untuk kali pertama pada 16 November 2005, tertuduh (OKT) tidak hadir, seterusnya pada 25 Januari 2006 OKT masih tidak hadir, dan pendakwaan dilakukan untuk kali ketiga pada 19 April 2006, tetapi OKT masih tidak hadir. Kes tersebut ditangguhkan kepada 21 Jun 2006. Setiap pasangan suami isteri yang telah melakukan perceraian di luar

---

<sup>47</sup> Kes Mal Mahkamah Rendah Syariah Shah Alam Bil. 10002-054-225/2004.

<sup>48</sup> Kes Jenayah Mahkamah Rendah Syariah Shah Alam Bil. 10002-167-362-2005.

Mahkamah, sama ada sengaja atau sebaliknya, mereka terpaksa melalui proses perbicaraan di mahkamah sekurang-kurangnya sebanyak dua kali.

Sekiranya seorang suami menceraikan isterinya di luar Mahkamah dan perbuatan tersebut dapat diketahui atau dilaporkan oleh pihak lain kepada pendakwa syarie secara langsung, maka suami yang melakukan perbuatan tersebut akan didakwa di bawah tuduhan jenayah. Dalam keadaan ini, perbicaraan di bawah tuduhan jenayah mendahului perbicaraan mal. Walau bagaimanapun, oleh kerana bilangan pendakwa syarie terhad, sedangkan kes hampir setiap hari berlaku, adalah sukar untuk pendakwa membuat dakwaan segera ke atas kes-kes jenayah yang berlaku termasuk perceraian di luar Mahkamah.

Dalam hal yang sama, pada kebiasaannya amat sukar bagi pendakwa atau pun pegawai penguatkuasa agama untuk mendapat maklumat yang sebenar mengenai kes seperti perceraian di luar Mahkamah. Sebagaimana yang diketahui umum, perceraian sebegini sering berlaku di rumah atau di tempat yang hanya suami dan isteri tersebut sahaja yang mengetahui. Kalaupun ada orang yang melihat atau mendengar perbuatan seperti itu, mereka tidak mungkin melaporkan kes itu kepada pendakwa syarie.

Berbanding dengan kes-kes jenayah seperti khalwat sebagai contoh, biasanya orang ramai yang mengetahui atau melihat perbuatan tersebut akan melaporkan kepada penguatkuasa agama yang berdekatan, untuk diambil tindakan. Kes-kes

jenayah seperti ini (khalwat), pihak pendakwa akan memfailkan secara terus pertuduhan ke atas tertuduh untuk dibicarakan di Mahkamah.

Oleh kerana kesalahan perceraian di luar Mahkamah tidak seperti kes-kes jenayah yang lain dari segi untuk mendapatkan maklumat, maka pada praktiknya pendakwa syarie hanya mendakwa orang yang melakukan kesalahan itu setelah mendapat keputusan kes mal untuk mengesahkan perceraian daripada pihak Mahkamah.

### 4.3. Statistik Kes Perceraian Luar Mahkamah

#### 4.3.1. Statistik 2002

<b>Mahkamah</b>	<b>Baki Kes Tahun Sebelum</b>	<b>Daftar Tahun Semasa</b>	<b>Selesai</b>	<b>Tangguh</b>
Mahkamah Tinggi Shah Alam (Dewan 1 dan 2)	0	0	0	0
Mahkamah Rendah Shah Alam	6	11	0	17
Mahkamah Rendah Petaling Jaya	24	30	17	37
Mahkamah Rendah Gombak Timur	26	48	38	36
Mahkamah Rendah Gombak Barat	28	53	52	29
Mahkamah Rendah Hulu Selangor	1	5	5	1
Mahkamah Rendah Klang	43	17	15	45
Mahkamah Rendah Kuala Langat	24	4	4	24
Mahkamah Renda Hulu Langat	56	2	2	56
Mahkamah Rendah Kuala Selangor	14	6	18	2
Mahkamah Rendah Sabak Bernam	16	6	4	18
<b>Jumlah</b>	<b>240</b>	<b>183</b>	<b>156</b>	<b>265</b>

Jadual di atas menunjukkan statistik kes Perceraian Luar Mahkamah dan Tanpa Kebenaran Mahkamah di bawah seksyen 124 EUKIS yang dicatatkan pada tahun 2002. Pada keseluruhannya, pada tahun 2002 terdapat sebanyak 323 kes perceraian di bawah seksyen 124, iaitu kes tahun semasa sebanyak 183 dan tahun sebelumnya sebanyak 240 kes. Daripada jumlah tersebut hanya 156 kes yang dapat diselesaikan iaitu sebanyak 48.3%. Baki kes sebanyak 265 yang belum selesai akan

dibawa ke tahun berikutnya iaitu tahun 2003 untuk dibicarakan dan kes tangguh ini akan menambahkan lagi kes-kes berkaitan untuk dibicarakan di Mahkamah.

#### 4.3.2. Statistik 2003

<b>Mahkamah</b>	<b>Baki Kes Tahun Sebelum</b>	<b>Daftar Tahun Semasa</b>	<b>Selesai</b>	<b>Tangguh</b>	<b>Buang Kes</b>
Mahkamah Tinggi Shah Alam (Dewan 1 dan 2)	0	0	0	0	0
Mahkamah Rendah Shah Alam	7	0	2	14	0
Mahkamah Rendah Petaling Jaya	37	14	0	0	0
Mahkamah Rendah Gombak Timur	36	76	64	163	0
Mahkamah Rendah Gombak Barat	29	26	21	61	0
Mahkamah Rendah Hulu Selangor	1	3	0	0	0
Mahkamah Rendah Klang	8	22	28	2	0
Mahkamah Rendah Kuala Langat	2	2	1	7	0
Mahkamah Rendah Hulu Langat	3	3	0	0	0
Mahkamah Rendah Kuala Selangor	2	10	4	12	0
Mahkamah Rendah Sabak Bernam	3	4	0	0	0
Mahkamah Rendah Sepang	0	9	0	0	0
<b>Jumlah</b>	<b>128</b>	<b>169</b>	<b>128</b>	<b>261</b>	<b>0</b>

Pada tahun 2003 terdapat sebanyak 297 kes perceraian luar Mahkamah dicatatkan, yang perlu dibicarakan di seluruh Mahkamah Syariah di negeri Selangor. Dari jumlah tersebut, sebanyak 128 kes atau 43% telah selesai dibicarakan. Sebanyak 57% kes yang didaftarkan menerima keputusan penangguhan oleh Mahkamah.

Terdapat beberapa faktor yang menyebabkan sesuatu kes itu mendapat tangguhan yang dikeluarkan oleh hakim perbicaraan. Pertama ialah faktor tertuduh sendiri, iaitu tidak hadir untuk perbicaraan dan mohon penangguhan kepada Mahkamah untuk mendapatkan khidmat peguam. Dalam kes *Pendakwa Syarie lawan Mohd Johari bin Ahmad*,<sup>49</sup> tertuduh telah dipanggil kali pertama untuk perbicaraan atas tuduhan seksyen 124 pada 21 September 2005, tertuduh mengaku tidak bersalah dan minta dibicarakan. Perbicaraan seterusnya telah ditetapkan pada 7 Disember 2005, tetapi tertuduh tidak hadir dan waran tangkap telah dikeluarkan pada 14 Disember 2005. Perbicaraan seterusnya ditetapkan pada 17 Disember 2005, tetapi kes terpaksa ditangguh kepada 8 Februari 2006 atas permohonan pihak pendakwa. Pada tarikh 8 Februari, tertuduh tidak hadir dan kes ditangguh kepada 19 Julai 2006 dan penangguhan dibuat kerana pendakwa tidak hadir, seterusnya penangguhan kepada 13 September 2006, tertuduh tidak hadir, pada 1 November 2006 juga tertuduh gagal hadir. Penangguhan terakhir yang dicatatkan dalam fail kes ialah pada 20 November 2006, dan pada tarikh tersebut tiada sebarang keputusan dibuat. Dalam kes ini penangguhan telah dibuat sebanyak tujuh kali, tetapi kes belum selesai sehingga kajian ini dijalankan.

---

<sup>49</sup> Kes Jenayah Mahkamah Rendah Syariah Shah Alam Bil. 10002-167-0269-2005.

Faktor kedua ialah pembatalan perbicaraan disebabkan pihak pendakwa. Antaranya ialah berlaku pertukaran pendakwa di saat akhir yang tidak sempat memohon kepada pihak Mahkamah supaya perbicaraan ditangguhkan, pendakwa tidak dapat hadir kerana menghadiri kursus dan terdapat juga pendakwa belum bersedia untuk membawa kes tersebut atas alasan-alasan yang munasabah seperti berkaitan kekurangan bahan bukti dan saksi<sup>50</sup>.

Selain penangguhan kes yang diputuskan oleh hakim perbicaraan, terdapat juga penangguhan sesuatu kes dilakukan oleh pihak Mahkamah sebelum perbicaraan bermula. Antara sebab perkara ini berlaku ialah hakim yang sepatutnya menjalankan prosiding menghadiri kursus, menghadiri mesyuarat jabatan dan tugas-tugas pengurusan lain seperti ketua juru audit dalaman.

Jika dilihat kepada statistik tahun 2002, jumlah kes tangguh ialah sebanyak 265 kes, tetapi statistik pada tahun 2003 bagi kes tahun sebelum dicatatkan sebanyak 128 kes sahaja, iaitu terdapat perbezaan. Perbezaan ini berlaku kerana terdapat permohonan penarikan balik pendakwaan yang dilakukan oleh pihak pendakwa sebelum penjadualan perbicaraan dilakukan pada tahun tersebut. Penarikan kes oleh pendakwa ini atas sebab-sebab yang telah dinyatakan di atas.

---

<sup>50</sup> Temubual bersama Penolong Pendaftar Mahkamah Rendah Syariah Shah Alam pada 6 Jun 2008.

#### 4.3.3. Statistik 2005

<b>Mahkamah</b>	<b>Baki Kes Tahun Sebelum</b>	<b>Daftar Tahun Semasa</b>	<b>Selesai</b>	<b>Tanggung</b>	<b>Buang Kes</b>
Mahkamah Tinggi Shah Alam (Dewan 1 dan 2)	0	0	0	0	0
Mahkamah Rendah Shah Alam	23	1	21	39	0
Mahkamah Rendah Petaling Jaya	13	39	27	98	0
Mahkamah Rendah Gombak Timur	12	26	10	96	0
Mahkamah Rendah Gombak Barat	43	35	40	137	1
Mahkamah Rendah Hulu Selangor	1	8	4	19	0
Mahkamah Rendah Klang	32	5	22	34	0
Mahkamah Rendah Kuala Langat	0	0	0	2	0
Mahkamah Renda Hulu Langat	6	6	0	0	1
Mahkamah Rendah Kuala Selangor	4	12	14	30	0
Mahkamah Rendah Sabak Bernam	0	13	9	10	1
Mahkamah Rendah Sepang	0	0	0	0	0
<b>Jumlah</b>	<b>134</b>	<b>145</b>	<b>147</b>	<b>465</b>	<b>3</b>



#### 4.3.4. Statistik Kes Cerai Luar Mahkamah Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor Tahun 2005

Baki Tahun Sebelum	Daftar	Tangguh	Belum Bicara	Buang Kes	Tarik Balik	Selesai	Baki
134	145	465	30	3	43	193	86

#### 4.4. Kesimpulan

Secara perbandingannya, kes perceraian yang dibicarakan di bawah Pengesahan Perceraian yang selesai dibicarakan di Mahkamah Syariah di negeri-negeri Selangor pada tahun 2005 ialah sebanyak 1346 kes, sedangkan kes perbicaraan di bawah seksyen 124 hanya sebanyak 145 kes sahaja. Pada hemat saya, perbicaraan kes di bawah Pengesahan Perkahwinan adalah kes-kes berkaitan perlakuan perceraian di luar Mahkamah tanpa kebenaran pihak Mahkamah. Ini bererti sebanyak 1201 kes berkaitan perceraian di luar Mahkamah tidak diambil tindakan di bawah seksyen 124 yang sepatutnya dikenakan penalti atas kesalahan tersebut. Perkara ini berlaku mungkin terdapat beberapa kekurangan yang perlu diambil perhatian sewajarnya oleh pihak kerajaan negeri di bawah tugas Jabatan Agama Islam Negeri Selangor.

Merujuk kepada statistik perceraian di luar Mahkamah, kebanyakan kes sedemikian tidak diambil tindakan sewajarnya di bawah seksyen 124 iaitu didapati melakukan suatu kesalahan dan hendaklah dihukum dengan denda tidak lebih

daripada satu ribu ringgit atau dengan penjara tidak lebih daripada enam bulan atau dengan kedua-duanya denda dan penjara itu

**BAB V**  
**FAKTOR SERTA KESAN PERCERAIAN DI LUAR MAHKAMAH**

## 5.1. Pendahuluan

Perceraian luar Mahkamah bukanlah satu fenomena baru, malah ia adalah suatu kebiasaan dalam mana-mana kelompok masyarakat, bangsa dan agama. Perbezaan kadar tinggi atau rendah peratusan perkara itu berlaku bergantung kepada faktor-faktor yang tersendiri. Hasil daripada kajian yang dijalankan di beberapa daerah di negeri Selangor, faktor-faktor tersebut telah dirumus seperti dalam bab ini.

## 5.2. Faktor Perceraian Di Luar Mahkamah

Mengikut kajian yang dilakukan terhadap kes-kes perceraian yang dibicarakan dalam Mahkamah Syariah Negeri Selangor sekitar tahun 1994 hingga 2007, pasangan yang berkahwin sebelum diperkenalkan kursus pra-perkahwinan mengaku tidak mengetahui ada tegahan melakukan perceraian di luar Mahkamah. Pasangan yang berkahwin selepas tahun 1988 iaitu setelah kursus tersebut diwajibkan, dapat disimpulkan bahawa faktor utama berlaku perceraian di luar Mahkamah adalah sikap suami yang membelakangkan undang-undang yang melarang melakukan perceraian di luar Mahkamah<sup>51</sup>. Hampir semua kes berkaitan perceraian yang dirujuk kepada Mahkamah Syariah di negeri Selangor mengetahui mengenai adanya peruntukkan undang-undang tersebut, kerana perkara ini telah didedahkan dalam sesi kursus perkahwinan, iaitu dalam slot undang-undang keluarga Islam selama dua jam. Dalam kes *Pendakwa Syarie lawan Samsudin bin Hassan*,<sup>52</sup> yang dibicarakan pada 8 Januari 2006, tertuduh mengaku beliau faham terhadap tuduhan yang dibacakan oleh

---

<sup>51</sup> Temubual bersama Penolong Pendaftar Mahkamah Rendah Syariah Shah Alam pada 6 Jun 2008.

<sup>52</sup> Kes Jenayah Mahkamah Rendah Syariah Shah Alam Bil. 10002-167-341-2005.

pendakwa dan mengaku salah kerana menceraikan isterinya Wan Tipah bt. Yaakob pada 23 April 2003. Tertuduh dikenakan denda sebanyak RM 950.00 dan membayar denda tersebut. Selain itu terdapat juga keretakan rumah tangga yang berpunca daripada pelbagai sebab lain seperti masalah kewangan, gangguan pihak ketiga, berkaitan anak-anak, berkaitan hak milik, masalah kesihatan, bertindak kasar secara fizikal dan mental<sup>53</sup>.

Gangguan pihak ketiga juga menjadi salah satu punca yang dikaitkan dengan berlakunya perceraian di luar Mahkamah. Isu pertelingkahan mula berlaku setelah isteri mendapat tahu sama ada melalui suaminya atau diberitahu oleh pihak lain mengenai suaminya ingin berkahwin dengan wanita lain. Hasrat suami dihalang keras oleh isteri yang membawa kepada perbalahan yang menyebabkan suami hilang sabar seterusnya menceraikan isteri di luar Mahkamah<sup>54</sup>.

Faktor kepada tercetusnya pertelingkahan dalam rumah tangga yang membawa kepada berlakunya *talāq* biasanya tidak dijelaskan secara terperinci oleh pasangan yang terlibat. Perkara ini berlaku mungkin pasangan terbabit berasa malu untuk menjelaskan kepada pihak Mahkamah secara terbuka. Selalunya perceraian berlaku setelah tercetusnya perbalahan yang kecil hinggalah kepada pertelingkahan yang tidak dapat dibendung lagi.

---

<sup>53</sup> Temubual dengan Penolong Pendaftar MRS Shah Alam pada 6 Jun 08.

<sup>54</sup> Temubual dengan Pegawai Unit Undang-Undang Pejabat Agama Islam Daerah Klang pada 17 Julai 2008.

Pertelingkahan kecil yang pernah direkodkan sebelum ini yang menarik perhatian pengkaji ialah perbalahan dalam kereta berpunca daripada kesesakan jalan raya.

Kes: No. 8 tahun 1994(B) dalam Mahkamah Rendah Syariah Kuala Selangor.

*Pendakwa*  
*Lawan*  
*Mohd. Sambuti Bin Asngat*

*Tuduhan : Kes Cerai Luar Mahkamah dan Tanpa Kebenaran Mahkamah Seksyen 124.*

*Tarikh : 3 hb. Ogos 1994*

*Hakim : Yang Arif Haji Mukhyuddin Bin Hj. Ibrahim*

*Pertuduhan :*

*Bahawa kamu pada atau lebih kurang jam 10.30 malam, 19 hb. Ogos 1993 di dalam kereta kamu BBD 3220 Dutsun ketika dalam perjalanan balik ke rumah kamu Batu 9 Tanjung Karang dalam negeri Selangor Darul Ehsan. Telah melafazkan cerai atau satu perkataan yang bermaksud cerai terhadap isteri kamu bernama Som Bt. Salleh, maka dengan itu kamu telah melakukan kesalahan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 124 EUKIS 84.*

*Keputusan Hakim : Tertuduh mengaku salah dan denda sebanyak RM 200.00.*

Penalti atau dendaan yang rendah yang diputuskan oleh Mahkamah juga antara faktor perceraian di luar Mahkamah berlarutan berlaku. Denda maksima kes tersebut ialah sebanyak RM 1000.00 atau enam bulan penjara atau kedua-duanya sekali, tetapi pada kebiasaannya Mahkamah memutuskan kurang daripada jumlah tersebut. Dalam kes *Pendakwa Syarie lawan Mohamed Huzaini bin Mohamed Hussein*<sup>55</sup>, mahkamah menjatuhkan hukum denda sebanyak RM300.00 setelah tertuduh mengaku salah. Begitu juga dalam kes *Pendakwa Syarie lawan Razali bin*

---

<sup>55</sup> Kes Jenayah Mahkamah Rendah Syariah Shah Alam Bil. 10002-167-355-2005.

*Hamid*,<sup>56</sup> Mahkamah Rendah Syariah Shah Alam menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM300.00 setelah tertuduh mengaku salah. Kebanyakan kes yang dituduh di bawah seksyen 124 yang dibicarakan di Mahkamah-Mahkamah di negeri Selangor, hukumannya adalah denda yang jumlahnya kurang daripada RM1000.00. Dalam kes *Pendakwa lawan Muhamad bin Mohamad Amin*<sup>57</sup>, hakim Y.A Syukran bin Yusof telah menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM500.00 kepada tertuduh atas kesalahan melakukan perceraian di luar Mahkamah setelah lima kali kes ditangguh kerana tertuduh tidak hadir perbicaraan.

Mahkamah Rendah Syariah Shah Alam pernah menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM900.00 kepada tertuduh dalam kes *Pendakwa Syarie lawan Nor Adnan bin Mohamed Noor*<sup>58</sup> setelah tertuduh mengaku melakukan *talāq* di luar Mahkamah pada 27 Disember 1999 dan pengesahan perceraian telah didaftarkan di Mahkamah Rendah Syariah Petaling Jaya pada 18 Januari 2000. Pada tahun 2006 denda yang paling tinggi dicatatkan ialah dalam kes *Pendakwa Syarie lawan Samsudin bin Hassan*<sup>59</sup> iaitu sebanyak RM950.00. Sebelum itu pada tahun yang sama denda sebanyak RM700.00 telah dijatuhkan dalam kes *Pendakwa Syarie lawan Mohd Azman bin Abdullah*<sup>60</sup> setelah tertuduh hadir perbicaraan untuk kali kedua pada 18 Januari 2006, setelah ditangguhkan dalam perbicaraan pada 26 Oktober 2005. Penalti yang dikenakan kepada tertuduh yang sabit kesalahan cerai di luar Mahkamah sejak tahun 1990-an adalah sama, iaitu sekitar RM300.00 hingga RM500.00. Dalam kes

---

<sup>56</sup> Kes Jenayah Mahkamah Rendah Syariah Shah Alam Bil. 10002-167-344-2005.

<sup>57</sup> Kes Jenayah Mahkamah Rendah Syariah Shah Alam Bil. 10002-167-258-2005.

<sup>58</sup> Kes Jenayah Mahkamah Rendah Syariah Shah Alam Bil. 10002-167-373-2005.

<sup>59</sup> Kes Jenayah Mahkamah Rendah Syariah Shah Alam Bil. 10002-167-341-2005.

<sup>60</sup> Kes Jenayah Mahkamah Rendah Syariah Shah Alam Bil. 10002-176-371-2005.

*Pendakwa Syarie lawan Md.Fadzil bin Hj.Ahmad*<sup>61</sup>, yang diputuskan pada tahun 1992, tetuduh dikenakan denda sebanyak RM350.00 oleh Mahkamah Rendah Syariah Petaling Jaya setelah mengaku salah menceraikan isterinya iaitu Marianah binti Mat di rumah mereka di Kampung Tunku, Petaling Jaya.

Selain Mahkamah mengenakan hukuman denda yang rendah, terdapat juga kes jenayah ini tertuduh dibebaskan oleh Mahkamah. Sebagai contohnya dalam kes *Pendakwa Syarie lawan Ramli bin Mohd Said*<sup>62</sup>, hakim Y.A Ustaz Abu Bakar bin Mohd Daud telah memutuskan OKT lepas tanpa dibebaskan. Keputusan dibuat kerana pendakwa tidak berminat (seperti yang direkodkan dalam keputusan kes) untuk meneruskan pendakwaan setelah tertuduh gagal hadir perbicaraan sebanyak empat kali iaitu pada 14 September 2005, 26 September 2005, 7 Disember 2005, dan pada 15 Mach 2006 keputusan di atas dikeluarkan. Dalam kes *Pendakwa Syarie lawan Faizuly bin Yaakob*<sup>63</sup>, hakim yang sama juga telah membebaskan tertuduh setelah pendakwa tidak berhasrat meneruskan kes atas alasan beliau baru ditugaskan sebagai pendakwa di Mahkamah tersebut. Tertuduh telah melalui prosiding di Mahkamah Rendah Syariah Petaling Jaya pada 17 Disember 1997<sup>64</sup> untuk pengesahan cerai ke atas isteri beliau Nor Azian binti Ahmad yang dilakukan di luar Mahkamah pada 27 Julai 1998.

---

<sup>61</sup> Kes Jenayah Mahkamah Rendah Syariah Petaling Jaya Bil. 25/92.

<sup>62</sup> Kes Jenayah Mahkamah Rendah Syariah Shah Alam Bil. 10002-167-411-2005.

<sup>63</sup> Kes Jenayah Mahkamah Rendah Syariah Shah Alam Bil. 10002-167-342-2005.

<sup>64</sup> Kes Mal Mahkamah Rendah Syariah Petaling Jaya Bil. 80 Tahun 1998.



Kajian terhadap kes-kes perceraian di luar Mahkamah, sama ada di MRS Kuala Selangor, MRS Klang dan MRS Shah Alam dan MRS Petaling Jaya, tidak terdapat isu campur tangan keluarga kedua-dua belah pihak yang menjadi penyebab utama kepada perceraian. Tidak ditemui juga perceraian yang berlaku di negeri ini yang disebabkan oleh perbezaan fahaman politik.

Faktor ekonomi juga tidak begitu ketara dalam menjadi pencetus kepada berlakunya perceraian di luar Mahkamah, walaupun ada tetapi peratusannya sama dengan sebab-sebab lain.

Pada keseluruhannya penulis mendapati perceraian yang berlaku , iaitu kes-kes yang difailkan dalam Mahkamah di negeri ini berlaku akibat daripada kurangnya sifat sabar dalam kalangan pihak-pihak yang terlibat. Sesungguhnya sifat sabar adalah salah satu ciri keimanan, sekiranya sifat tersebut dapat diterapkan dalam diri seseorang, sudah pasti kes-kes perceraian dapat dibendung. Sifat kurang sabar sering dikaitkan dengan faktor umur pasangan suami isteri yang bertelagah sehingga membawa kepada perceraian. Statistik perceraian mengikut umur yang dicatatkan pada tahun 2007 adalah seperti berikut <sup>65</sup>;

---

<sup>65</sup> Statistik yang dikeluarkan oleh Unit Pengurusan Pejabat Agama Islam Daerah Klang.

### Statistik perceraian mengikut umur

<b>UMUR</b>	<b>JUMLAH</b>
20 tahun ke bawah	2
21 – 30 tahun	373
31 – 40 tahun	534
41 – 50 tahun	182
51 – 60 tahun	58
61 ke atas	23
<b>JUMLAH</b>	<b>1172</b>

Berdasarkan jadual di atas, pasangan yang berumur dua puluh satu (21) tahun hingga empat puluh (40) tahun mencatat sebanyak sembilan ratus tujuh (907) kes daripada jumlah keseluruhan sebanyak satu ribu satu ratus tujuh puluh dua (1172) kes perceraian pada tahun 2007. Statistik ini dapat menyokong sebagai salah satu faktor utama berlaku perceraian adalah disebabkan kurang sifat sabar, sekiranya sifat tersebut dikaitkan dengan faktor umur muda pasangan yang melakukan perceraian.

Menurut pendapat Pegawai Tadbir Agama Daerah Klang<sup>66</sup>, sebab utama dalam kes perceraian tidak berfokus kepada mana-mana isu, ia bergantung kepada keadaan dan situasi pasangan masing-masing. Terdapat sebahagian daripada mereka tahu dan faham mengenai adanya peruntukan undang-undang yang melarang

---

<sup>66</sup> Temuramah bersama Pegawai Tadbir Agama Islam Daerah Klang, pada 06 hb. 02 2007.

melakukan perceraian di luar Mahkamah, walaupun tidak pasti tentang seksyen terbabit.

Seperti yang telah dijelaskan di atas, jumlah kes *pengesahan perceraian* yang dibicarakan di Mahkamah tidak selari dengan kes perbicaraan di bawah seksyen 124 iaitu kesalahan melakukan perceraian di luar Mahkamah. Perbezaannya amat ketara iaitu pada tahun 2005 sahaja sebanyak 1201 yang tidak diambil tindakan di bawah kesalahan melakukan perceraian di luar Mahkamah.

### **5.3. Kesan Perceraian**

Apa yang dimaksudkan dengan kesan perceraian ialah perkara yang timbul selepas berlaku perceraian. Perkara-perkara tersebut telah diterangkan secara khusus oleh syarak dan juga telah diperincikan oleh para *fuqaha*. Semua ini meliputi *īdah*, nafkah, hak penjagaan anak atau *ḥadānah*, harta sepencarian dan *mut'ah*. Sesuatu kes perceraian yang dibicarakan di Mahkamah, selain daripada tujuan merekodkan perceraian yang telah berlaku, Mahkamah juga akan memutuskan perkara-perkara berbangkit seperti nafkah *īdah* dan *ḥadānah*. Oleh itu, kes perceraian tidak hanya tamat setelah pihak Mahkamah memutuskan pengesahan perceraian tersebut, tetapi akan berlarutan kepada persoalan hak penjagaan anak sekiranya pasangan yang bercerai mempunyai anak, perkara ini akan dirujuk pula kepada seksyen 81 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Selangor.

Selain daripada itu, isteri yang diceraikan mempunyai hak-hak tertentu sebagaimana yang diperuntukkan dalam enakmen ini. Sering menjadi tuntutan di Mahkamah yang dibuat oleh isteri bersama-sama permohonan perceraian ialah *mut'ah*, dan nafkah *īdah*. Pada kebiasaannya Mahkamah akan pastikan kedua-dua hak ini dituntut oleh isteri kepada bekas suaminya semasa prosiding tersebut. Sekiranya berlaku ketidakpuasan hati, isteri berhak menuntut *mut'ah* dan nafkah *īdah* secara berasingan. Terdapat juga kes-kes tertentu, keputusan Mahkamah yang memasukkan sekali perintah membayar *mut'ah* kepada isteri di hadapan Mahkamah. Namun begitu dalam kes-kes perceraian yang berlaku di luar Mahkamah dan permohonan perceraian dibuat, jarang sekali isteri membuat permohonan berasingan untuk menuntut *mut'ah*. Pada kebiasaannya isteri hanya menerima sebanyak mana kadar *mut'ah* yang diberikan oleh suami di hadapan Hakim Perbicaraan.

Selain *mut'ah*, nafkah idah sepertimana yang diperuntukkan dalam seksyen 59 enakmen yang sama, Mahkamah berhak memerintahkan bekas suami membayar nafkah *īdah* kepada bekas isterinya. Walau bagaimanapun, sekiranya Mahkamah berpuas hati isteri telah berlaku *nusyūz*, atau enggan dengan berpatutan seperti menjauhkan diri daripada suami, meninggalkan rumah yang disediakan suami atau enggan berpindah mengikut suami, maka nafkah tersebut tidak boleh dituntut. Menurut pendapat Imam *As-Syāfi'e* isteri yang masih dalam *īdah* berhak mendapat nafkah daripada bekas suaminya, kecuali perceraian *talāq bain*. Walaupun begitu,

sekiranya isteri cerai *ṭalāq bain* didapati hamil, bekas suami wajib memberi nafkah makan dan minum serta tempat tinggal<sup>67</sup>.

Sebagaimana di negeri-negeri lain, di negeri Selangor pasangan yang bercerai boleh menuntut harta sepencarian atau sebarang bentuk perkongsian terhadap sesuatu hak atau urusan semasa hidup sebagai pasangan suami dan isteri. Menurut seksyen 58 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Selangor 2003, Mahkamah berhak memerintah supaya apa-apa aset yang diperolehi oleh pasangan tersebut dalam masa perkahwinan dengan usaha bersama, dibahagikan mengikut takat sumbangan masing-masing. Sebelum pembahagian dilakukan, mahkamah akan memastikan segala hutang piutang dilunaskan terlebih dahulu.

Walaupun perceraian diharuskan namun, Islam tidak menggalakkan perceraian kerana ia akan mengakibatkan implikasi dan permasalahan yang besar disebabkan oleh perpisahan tersebut. Berbagai permasalahan akan timbul apabila berlaku perceraian di antara suami dan isteri, antaranya kesan dari sudut emosi seperti ketenangan jiwa terganggu, marah, sedih, bersalah, rendah diri dan runsing. Beban perasaan ini pasti akan menimpa pasangan yang menghadapi perceraian sama ada sebelum, semasa atau sesudah berlaku perceraian. Tekanan perasaan ini bukan hanya mengganggu emosi dan jiwa individu tersebut, tetapi ia juga akan mewujudkan implikasi dan kesan yang negatif terhadap keluarga dan mereka yang terdekat. Bagi perempuan yang baru bercerai, dunianya berubah sama sekali. Mereka mempunyai

---

<sup>67</sup> Ibn Qudāmah, (1972)), *Al-Mughnī*, Beirut, Dar Al-Kitab Al-Arabi, Jilid 5, hlm. 109.

banyak masa lapang dan perlu mencari cara untuk memenuhinya terutama sekali jika mereka tidak bekerja. Jika perempuan yang dicerai tersebut mempunyai anak-anak, mereka terpaksa menghadapi masalah menjaga dan memenuhi keperluan anak-anaknya tanpa bantuan seorang suami.

Perempuan yang bekerja dan mempunyai anak pula terpaksa memainkan peranan sebagai seorang bapa di samping tugasnya sebagai seorang ibu dan pekerja. Tetapi ciri-ciri seorang bapa tidak ada padanya. Tugas tersebut berat dan mencabar menyebabkan mereka kemurungan, dendam, kurang yakin pada diri sendiri serta takut menghadapi masa depan.

Dalam perceraian, anak-anak menjadi mangsa terutama jiwa dan perasaan mereka. Mereka kurang mendapat kasih sayang, perhatian dan bimbingan dari ibu bapa mereka. Selain dari itu, antara kesan-kesan perceraian terhadap anak-anak ialah timbul perasaan malu, rasa tidak selamat, hilang rasa keyakinan diri, hilang tumpuan pada pelajaran serta akan menunjukkan tabiat dan sikap yang negatif. Perkara-perkara tersebut jika dibiarkan berlaku dan berlarutan dalam diri anak-anak, maka ia akan mengakibatkan kesan-kesan yang negatif sepanjang hayat mereka. Anak-anak juga mungkin berasa takut menghadapi masa depan mereka sendiri.

Dari sudut sosial, jika berlaku perpisahan, kehidupan sosial seseorang itu juga mengalami kepincangan. Berbagai permasalahan yang berhubung dengan pergaulan dan interaksi sesama anggota masyarakat akan mengakibatkan kesan-kesan yang negatif dalam kehidupan mereka. Sebagai contoh pasangan akan dipandang sinis oleh masyarakat dengan gelaran yang mereka miliki iaitu janda atau duda. Selain itu,

suami dan isteri akan kehilangan sebuah keluarga, saudara-mara dan kawan-kawan daripada pasangan masing-masing. Akibatnya pasangan terpaksa mendapatkan bantuan dan pertolongan daripada keluarga dan saudara-mara dalam hal penjagaan anak-anak. Jiwa akan lebih tertekan jika selama ini pasangan hanya bergantung di antara satu sama lain dalam hal-hal seharian.

Kesan selanjutnya ialah terhadap negara, kes-kes perceraian yang sering berlaku dalam kalangan pasangan Islam akan menjadi gambaran buruk kepada bangsa yang beragama lain terhadap umat Islam. Lebih-lebih lagi ianya berlaku dalam masyarakat majmuk seperti Malaysia. Gambaran buruk terhadap Islam digambarkan oleh media massa barat sebagai satu bangsa yang suka bergaduh dan berperang yang akan terpahat dalam minda orang bukan Islam. Ini kerana sering terjadi pergaduhan dan dendam sebelum dan selepas berlaku perceraian. Pihak keluarga kedua-dua belah pihak kadang kala terlibat sama dalam situasi tersebut.

Negara yang mengalami peratusan perceraian yang tinggi cenderung kepada bertambahnya kadar pengangguran. Para isteri yang hanya bergantung kepada suami dalam perbelanjaan hidup semasa dalam perkahwinan, akan hidup dalam serba kesulitan sebagai ibu tunggal atau janda. Mereka tidak mempunyai apa-apa pekerjaan untuk menanggung diri sendiri lebih-lebih lagi bagi bekas isteri atau janda yang uzur dan tua.

Negara juga akan rugi akibat daripada masalah kanak-kanak terbiar dan keciciran dalam pelajaran yang disebabkan oleh perceraian tersebut, kerana mereka adalah aset utama negara untuk menjana kecemerlangan sebagai sebuah negara maju.

Negara bukan hanya sekadar hilang aset utama, malah ianya akan membebankan perbelanjaan negara. Kanak-kanak yang terbiar sering terjerumus ke dalam kancuh keruntuhan akhlak. Jika tidak dibendung, keadaan ini akan lebih parah yang boleh membawa kepada tercemarnya imej negara dan akhirnya menakutkan pelabur-pelabur asing.

Oleh itu perceraian pasangan suami dan isteri bukan satu perkara yang boleh diremehkan dan dibiarkan berlaku begitu sahaja. Gejala ini salah satu daripada kesan yang besar terhadap kesetabilan politik, ekonomi dan pembangunan negara.

#### **5.4. Kesimpulan**

Terdapat berbagai faktor yang membawa kepada perceraian di negeri Selangor sama ada ianya berlaku melalui prosedur yang telah digariskan oleh undang-undang atau sebaliknya seperti perceraian luar Mahkamah. Secara keseluruhannya faktor perceraian luar Mahkamah seperti yang dijelaskan di atas dapat disimpulkan kepada tiga pihak yang terlibat iaitu sikap pasangan suami isteri, kurang penerangan secara berterusan oleh pihak jabatan agama dan dendaan yang dikenakan adalah rendah.



**BAB VI**  
**PENUTUP**

## **6.1. Pendahuluan**

Bab ini adalah bahagian terakhir kajian penulis yang mengandungi kesimpulan kajian dan cadangan-cadangan yang boleh dijadikan garis panduan untuk digunakan secara menyeluruh dalam masalah kekerapan berlaku perceraian luar Mahkamah dan tanpa kebenaran pihak Mahkamah di negeri Selangor. Secara umumnya, masalah perceraian adalah suatu perkara yang biasa dalam mana-mana masyarakat. Seperti mana yang telah dijelaskan dalam bab-bab sebelum ini, bahawa perceraian juga mempunyai natijah dan hikmah kepada pasangan terbabit. Walau bagaimanapun, apa yang sering berlaku dalam kalangan masyarakat di negeri Selangor (dan juga di negeri-negeri lain di Malaysia) ialah fenomena perceraian berlaku di luar Mahkamah dan tanpa kebenaran Mahkamah. Perbuatan tersebut adalah satu kesalahan di bawah seksyen 124 EUKIS. Di sini penulis cuba membuat cadangan-cadangan tertentu sebagai menunjukkan tanggungjawab bersama untuk mengurangkan masalah itu.

## **6.2. Cadangan**

Sebagaimana yang telah dijelaskan, perceraian yang dilakukan di luar Mahkamah dan tanpa kebenaran Mahkamah adalah satu kesalahan, tetapi masih banyak pasangan yang melanggar peruntukan ini. Oleh itu, perkara yang paling penting sekali ialah pihak Kerajaan Negeri, di bawah Jabatan Agama Negeri Selangor perlu menubuhkan satu unit khas untuk menjelaskan setiap enakmen yang

sedang dikuatkuasakan, terutamanya berkaitan kesalahan di bawah seksyen 124 EUKIS. Unit ini boleh diselaraskan di bahagian Unit Penerangan jabatan tersebut. Ini kerana, kaki tangan di bawah penguatkuasaan yang sedia ada dalam Jabatan Agama Islam sangat terhad dan terlalu banyak tugas lain yang perlu mereka selesaikan. Bebanan tugas yang banyak akan menghadkan dan membantutkan usaha memberi penerangan yang efektif dan berterusan.

Penerangan dan pendedahan tentang Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Selangor (EUKIS) perlu diberikan secukupnya kepada pasangan suami isteri dan masyarakat di negeri Selangor. Melalui kefahaman tersebut, dapat mengurangkan kesalahan melakukan perceraian di luar Mahkamah dan tanpa kebenaran Mahkamah. Selain itu, pasangan yang tiada harapan untuk berdamai dan berakhir dengan perceraian, dapat mengetahui hak-hak mereka serta dapat menagani masalah yang timbul selepas berlaku perceraian seperti *mut'ah*, nafkah *īdah*, harta sepencarian dan kebajikan anak-anak mangsa perceraian dapat pembelaan sewajarnya. Perkara berbangkit yang sering diperkatakan oleh masyarakat iaitu mengenai pengabaian anak-anak mangsa perceraian dapat dikurangkan.

Tahap pengetahuan yang tinggi dalam kalangan pasangan suami isteri berkaitan Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Selangor juga akan dapat mengurangkan kes-kes tertangguh yang dibicarakan di bawah seksyen 47, 49, 50, 52 dan seksyen 124 enakmen tersebut. Statistik kes tangguh perbicaraan kebanyakannya disebabkan oleh sama ada plaintif atau defendan yang tidak hadir untuk perbicaraan.

Melalui pendedahan perkara tersebut secara berterusan akan menimbulkan kesedaran kepada pasangan suami isteri yang terbabit dengan perbicaraan akan lebih bertanggungjawab untuk hadir perbicaraan apabila dipanggil oleh pihak Mahkamah.

Bagi mencapai matlamat itu, pihak kerajaan negeri, iaitu di bawah Jabatan Agama Islam Selangor perlu berusaha untuk memberi kefahaman berkaitan kerukunan berumah tangga dan perundangan kekeluargaan yang termaktub di dalam Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Selangor 1984. Usaha seperti ini walaupun sudah ada tetapi sangat kurang dan tidak menyeluruh kepada masyarakat umum. Sebagai contoh, ceramah berkaitan undang-undang tersebut diadakan di masjid-masjid tertentu sahaja. Perkara ini berlaku kerana pihak Jabatan Agama Islam Selangor mungkin kurang tenaga yang arif dalam bidang terbabit. Dalam perkara ini penulis sarankan kepada pihak jabatan terbabit supaya melatih lebih ramai pegawai dalam bidang undang-undang keluarga. Bidang tersebut tidak mampu diperjelaskan oleh mereka tidak terlatih dalam perundangan kekeluargaan.

Kursus perkahwinan juga dapat membantu pasangan suami isteri memahami perkara berkaitan perundangan kekeluargaan yang sedang berkuat-kuasa. Kursus yang diwajibkan itu memberi ruang kepada pasangan yang akan mendirikan rumah tangga mengetahui adanya tegahan melakukan perceraian di luar Mahkamah dan tanpa kebenaran Mahkamah. Walau bagaimanapun kursus yang singkat tersebut tidak mampu untuk menjelaskan lebih lanjut berkaitan undang-undang keluarga Islam. Kekangan masa dengan jadual yang padat dengan kursus fardu ain,

memperuntukkan hanya satu slot sahaja untuk menjelaskan berkaitan perundangan kekeluargaan Islam. Penulis cadangkan kepada pihak jabatan agama atau penganjur kursus perkahwinan supaya menambah peruntukan masa untuk memberi penerangan berkaitan Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam kepada pasangan yang akan mendirikan rumah tangga. Melalui penerangan ini, dapat memberi pendedahan secukupnya kepada pasangan suami isteri dalam hal-hal berkaitan enakmen tersebut.

Selain itu, kefahaman suami isteri tentang tanggungjawab masing-masing dalam berumah tangga serta celik undang-undang dapat ditingkatkan sekiranya penerangan melalui ceramah-ceramah berkaitan perkara tersebut diperbanyakkan. Peluang untuk pasangan suami isteri dan anggota masyarakat di negeri Selangor mendapatkan pendedahan berkaitan enakmen tersebut amat kurang. Bagi memenuhi tujuan tersebut, penulis cadangkan agar golongan yang mahir dalam bidang undang-undang kekeluargaan perlu turut sama menggembeleng tenaga membantu dalam usaha ini. Ahli akademik dari pusat-pusat pengajian tinggi, pengamal undang-undang dan guru-guru yang mempunyai latar belakang pendidikan undang-undang perlu tampil memberi khidmat secara suka rela. Mereka boleh melibatkan diri secara berkesan dengan memberi kuliah-kuliah selepas solat fardu di masjid-masjid dan surau-surau tempat tinggal masing-masing. Melalui usaha ini juga dapat memberi kesedaran dan kefahaman kepada pasangan suami isteri untuk membentuk institusi keluarga yang bahagia. Usaha ini juga dapat mengurangkan kadar perceraian dan pelanggaran seksyen 124 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Selangor.

Isu pasangan yang bercerai di luar Mahkamah tanpa kebenaran pihak Mahkamah, kesalahan di bawah seksyen 124 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam, perlu kepada pendekatan tertentu oleh pihak kerajaan negeri untuk mengatasinya. Antaranya ialah pihak Mahkamah perlu mengenakan denda maksima iaitu RM 1000.00 sebagaimana yang diperuntukkan dalam seksyen tersebut. Denda yang diperuntukkan itu juga perlu satu kajian baru sama ada sesuai atau sebaliknya, kerana jumlah tersebut telah digubal pada tahun 1984. Sekiranya jumlah denda yang lebih tinggi dikenakan, kesalahan ini dapat dikurangkan kerana suami berasa takut untuk melakukan *talāq* sewenang-wenangnya di luar Mahkamah dan tanpa kebenaran Mahkamah.

Selain daripada itu, penambahbaikan sistem penyampain maklumat antara pihak Mahkamah dengan pihak Jabatan Agama Islam negeri untuk bertindak seiring dalam kes berkaitan. Pendakwa Syarie umpamanya disalurkan terus kes perceraian seperti itu untuk diambil tindakan dengan segera. Segala maklumat dan fakta berkaitan perceraian sudah diperolehi daripada pasangan tersebut semasa mereka melalui prosiding pengesahan perceraian, dengan itu memudahkan penyiasatan oleh pihak pendakwa untuk membuat dakwaan di Mahkamah di bawah seksyen 124. Bagi melengkap tujuan tersebut di atas, kerajaan negeri perlu menambah bilangan pendakwa syarie kerana bilangan kes perceraian di luar Mahkamah ini sangat banyak. Sekiranya sistem penyampaian maklumat sudah berada dalam keadaan yang baik, sebaliknya bilangan pendakwa syarie tidak memungkinkan mereka bertindak dalam suasana yang segera, maka situasi lambakan kes tertangguh akan berterusan.

Masyarakat sedia maklum bahawa kes-kes jenayah syarie yang lain perlu juga diselesaikan dengan kadar segera, namun begitu kesalahan di bawah seksyen 124 EUKIS ini juga memerlukan tindakan sewajarnya. Oleh itu penambahan bilangan pendakwa syarie adalah salah satu jalan penyelesaian yang amat diperlukan dalam mengatasi masalah ini.

Kekurangan kaki tangan juga telah mengundang masalah kelewatan proses pengesahan perceraian dan pendakwaan kepada pasangan yang melakukan perceraian di luar Mahkamah. Pada kebiasaannya tempoh masa yang diambil untuk pendakwaan kes di bawah seksyen 124 EUKIS ialah lebih daripada setahun dari prosiding pengesahan perceraian. Dalam kes *Mohammad Ridza bin Mukhtar (Plaintif) lawan Pn Mizana binti Muhamad (defendan)*<sup>68</sup>, prosiding untuk pengesahan perceraian ialah pada 23 Mac 2000 ke atas perceraian yang dilakukan pada 4 Oktober 1999. Pertuduhan kes jenayah atas kesalahan melakukan perceraian di luar Mahkamah ialah pada 25 Januari 2006, seterusnya tangguh kepada 22 Mac 2006, tangguh pula kepada 3 Mei 2006 dan pada 3 Mei 2006 tertuduh dibebaskan kerana pendakwa tidak bercadang untuk meneruskan kes. Semua kes yang dijadikan bahan kajian mengambil masa yang panjang selepas tertuduh membuat pengesahan perceraian di luar Mahkamah untuk pendakwaan di bawah seksyen 124 EUKIS. Sekiranya kaki tangan di bahagian pendakwaan ditambah, tempoh masa panjang ini dapat dikurangkan.

---

<sup>68</sup> Kes Mal Mahkamah Rendah Syariah Petaling Jaya Bil. 1342-09-18/2000.

Penambahbaikan atau pindaan kepada seksyen 51, berkaitan pendaftaran perceraian juga perlu dititikberatkan. Sebagai contohnya setiap pasangan yang ingin mengesahkan perceraian masing-masing mesti terlebih dahulu mendapat kebenaran daripada Jabatan Agama Islam atas kesalahan melanggar seksyen 124. Apabila Mahkamah berpuas hati dengan maklumat daripada Jabatan Agama Islam, maka pengesahan perceraian tersebut boleh diteruskan. Namun begitu, agak sukar perkara ini untuk dilaksanakan kerana akan melambatkan proses pendaftaran perceraian. Keadaan ini akan menimbulkan ketidakpuasan hati masyarakat yang terbabit dengan kes tersebut. Situasi ini juga boleh menimbulkan pandangan negatif masyarakat umum kepada Mahkamah Syariah kerana melambatkan proses pendaftaran perceraian. Pengesahan perceraian amat penting kepada pasangan yang telah bercerai untuk melakukan perkahwinan yang baru, terutamanya kepada golongan perempuan. Namun begitu Mahkamah mempunyai integritinya tersendiri dan tidak terikat dengan mana-mana jabatan untuk memutuskan sesuatu kes.

Dalam memenuhi tuntutan masyarakat agar sesuatu proses tidak mengambil tempoh masa yang lama, Mahkamah juga perlu mengambil kira konsep kebebasan untuk memberi keadilan kepada semua pihak. Pihak Mahkamah dan semua pihak yang memegang kuasa eksekutif dalam sesebuah negara berkewajipan memainkan peranan mereka untuk menjaga perjalanan Mahkamah agar sentiasa mengikut peraturan dan undang-undang. Sekiranya peranan ini tidak dimainkan oleh pihak yang memegang kuasa eksekutif, fungsi Mahkamah tidak akan terlaksanakan<sup>69</sup>.

---

<sup>69</sup> Abdullah Abu Bakar, *Mahkamah sebagai tunggak keadilan dalam Undang-Undang Keluarga Islam di Negara-Negara Asean*, Penyunting ; Abdul Monir Yaacob : Institut Kefahaman Islam Malaysia.: K.L [2000]. Hlm. 179.



Selain itu, Jabatan Agama Islam Selangor perlu menghebahkan wabak penyakit perceraian dalam masyarakat di negeri ini sedang menular dan bertambah dengan cepat. Sebagai contohnya pada tahun 2005 kes-kes berkaitan berpecahan yang selesai dibicarakan di Mahkamah Syariah di negeri Selangor berjumlah 3436 kes. Kes-kes perceraian yang tertangguh pada tahun tersebut ialah sebanyak 7965 kes. Jika diteliti, jumlah kes berkaitan perceraian pada tahun 2005 ialah sebanyak 11401. Ini adalah angka yang tinggi, yang perlu diambil tindakan sewajarnya oleh pihak kerajaan negeri, Jabatan Agama Islam, NGO, ketua-ketua kampung, guru-guru agama, dan individu-individu yang berpengetahuan dalam bidang agama serta peka kepada permasalahan tersebut.

Di samping itu juga, pihak Jabatan Agama Negeri Selangor perlu menggiatkan lagi usaha penerangan kepada anggota masyarakat iaitu pentingnya menjaga tanggungjawab masing-masing sebagai pasangan suami dan isteri. Sebarang pengabaian terhadap tanggung jawab yang telah digariskan oleh Islam akan membawa padah kepada perpecahan kerukunan berumah tangga. Perkara seperti ini boleh berlaku tanpa memandang kepada status dan latar belakang ekonomi, sama ada tinggal di bandar maupun luar bandar. Oleh itu memupuk kesedaran nilai-nilai yang diajar oleh agama dalam peraturan berumah tangga adalah sangat penting. Kursus perkahwinan yang telah dijalankan adalah satu usaha ke arah itu, tetapi kesinambungan ilmu sedemikian perlu kepada pasangan yang telah lama hidup sebagai suami dan isteri.

Selain itu, masyarakat perlu dititikberatkan mengenai hikmah dan matlamat perkahwinan. Jadikan usaha ini sebagai satu sasaran kepada bakal-bakal pasangan yang akan berkahwin. Walaupun terdapat satu slot berkaitan undang-undang kekeluargaan Islam dalam kursus pra-perkahwinan, tetapi silibus kursus tersebut perlu kepada tambah nilai supaya lebih menjurus kepada mencapai matlamat kerukunan berumah tangga. Kursus tersebut tidak boleh lagi hanya tertumpu kepada fardu ain semata-mata, walaupun ianya sangat penting, tetapi objektif utama Islam menggalakkan perkahwinan ialah untuk mengecapi *'mawaddah wa rahmah'* perlu dititikberatkan. Perlu dijelaskan juga mengenai gejala yang timbul daripada sesuatu perceraian yang berlaku bukan hanya ke atas diri pasangan itu sahaja, tetapi kepada keluarga, masyarakat dan negara.

Sehubungan dengan itu juga, daripada Jabatan Agama Islam Negeri, orang perseorangan, Badan-Badan Bukan Kerajaan (NGO), Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) dan guru-guru agama perlu mengembeleng tenaga untuk sama-sama nasihat menasihati antara satu sama lain terutama kepada pasangan yang sedang menghadapi krisis rumah tangga. Ramai pasangan suami dan isteri yang datang ke Pejabat Agama untuk melakukan perceraian didapati kurang faham mengenai tanggungjawab mereka sebagai pasangan suami dan isteri.

### 6.3. Kesimpulan

Perkahwinan adalah satu perkara yang dipandang mulia oleh Islam. Tujuan dan hikmat perkahwinan sangat banyak. Namun begitu segala hikmat tersebut hanya dapat dinikmati sekiranya rumah tangga berada dalam keadaan aman, tenteram dan dibina dengan penuh tanggungjawab serta kasih sayang. Bagi pasangan yang gagal hidup dalam suasana demikian, Islam telah membuka jalan yang halal iaitu melalui perceraian demi untuk mereka memperbaiki kehidupan berumah tangga yang baharu.

Walaupun perceraian itu pada dasarnya adalah suatu tindakan yang dibenci oleh Islam, tetapi di sebalik tindakan itu ada hikmat-hikmat tersendiri sebagaimana yang telah dijelaskan sebelum ini. Ini kerana krisis dalam kalangan suami dan isteri adalah suatu perkara lumrah berlaku dalam semua masyarakat, walau bagaimana prihatinnya pasangan tersebut tentang kerukunan rumah tangga.

Biarpun masalah-masalah rumah tangga amat sukar untuk diatasi, tetapi jika perkara tersebut ditangani dengan sebaik mungkin, ia akan memberi impak yang positif untuk mengeratkan lagi hubungan di antara suami dan isteri. Segala masalah itu akan menjadi imun kepada pasangan tersebut dan mereka dapat meneruskan hidup dengan aman damai, bukannya mengambil jalan singkat seperti pergaduhan yang akhirnya membawa kepada perceraian.

Umum memahami bahawa kuasa *ṭalāq* adalah di tangan suami, oleh itu perceraian sering berlaku disebabkan oleh suami tersebut menggunakan kuasanya sama ada secara sah, sedar atau sebaliknya. Penggunaan kuasa oleh suami sering

berlaku apabila timbul krisis rumah tangga yang tidak dapat dibendung oleh kedua-dua belah pihak. Selain itu, perceraian boleh juga berlaku melalui *fasakh*, *khulu'*, *ta'liq*, *īla'*, *zihār* dan *li'ān*. Walau apa pun situasi yang membawa kepada perceraian, tindakan tersebut hendaklah melalui proses undang-undang yang sedang berkuatkuasa.

Banyak faktor berlaku perceraian di luar Mahkamah dan tanpa kebenaran Mahkamah sebagaimana yang telah dinyatakan dalam kajian ini. Faktor penyebab tersebut dapat diatasi sekiranya timbul kesedaran dan usaha gigih untuk mengurangkan perkara ini berlaku di dalam masyarakat di negeri Selangor. Kesedaran dan usaha tersebut perlu ada pada pasangan suami isteri dan pihak kerajaan terutamanya Jabatan Agama Islam Selangor. Sebagai contoh, pasangan suami isteri mestilah memahami tanggungjawab masing-masing dan mengambil tahu tentang undang-undang berkaitan yang sedang berkuatkuasa. Mereka hendaklah sentiasa merujuk sama ada melalui buku-buku berkaitan munakahat, atau bertanya kepada mereka yang arif dalam bidang tersebut.

Oleh kerana terdapat banyak faktor dan kecenderongan yang boleh membawa kepada berlakunya perceraian, maka setiap negeri telah menguatkuasakan undang-undang melarang perceraian dilakukan dengan sewenang-wenangnya. Di negeri Selangor, pasangan yang melakukan perceraian luar Mahkamah dan tanpa kebenaran Mahkamah akan dikenakan denda tidak lebih daripada RM 1000.00 atau enam bulan penjara atau kedua-duanya sekali yang diperuntukkan di bawah seksyen 124.

Faktor turun naik peratusan kes-kes perceraian yang berlaku dalam kalangan masyarakat Islam di negeri Selangor boleh dikaitkan dengan sikap dan kefahaman seseorang itu dalam pengetahuan agama Islam. Di dalam sesebuah rumah tangga, suami dianggap sebagai ketua keluarga serta pembimbing kepada isteri dan anak-anak. Oleh itu, adalah menjadi suatu liabiliti serta kewajipan ke atas suami memberi nasihat dan tunjuk ajar kepada isteri.

Banyak pasangan yang melanggar peruntukan tersebut mengakui bahawa mereka kurang faham tentang undang-undang yang melarang daripada melakukan perceraian di luar mahkamah. Menurut Penolong Pendaftar Mahkamah Rendah Syariah Shah Alam, pada sekitar tahun 1995 memang terdapat kuliah selepas maghrib di Masjid Negeri, Shah Alam yang menjelaskan tentang undang-undang kekeluargaan Islam, termasuklah perkara berkaitan perceraian, tetapi kuliah seperti itu sudah tidak ada lagi hingga sekarang. Pendedahan tentang undang-undang seperti itu hanya dimuatkan dalam slot kursus perkahwinan, yang mempunyai peruntukan sangat terhad<sup>70</sup>. Walaupun dari sudut perundangan alasan ini tidak memberi kesan untuk melepaskan diri daripada tuduhan, ianya juga sedikit sebanyak boleh dipertimbangkan untuk meringankan hukuman atau dendaan. Oleh yang demikian, sekiranya ada unit yang dimaksudkan di atas, alasan tertuduh seperti itu mungkin tidak timbul.

Dalam aspek yang lain pula, terdapat segelintir isteri yang kurang menghormati suami, atas sebab-sebab tertentu seperti perbezaan pendapatan bulanan,

---

<sup>70</sup> Temuramah dengan Penolong Pendaftar Mahkamah Rendah Syariah Shah Alam pada 6 Jun 2008.

atau pangkat di tempat kerja. Andainya penghormatan isteri terhadap suami semakin hilang, dan keadaan ini dibiarkan berlarutan, isteri akan bertindak sesuka hatinya dalam rumah tangga mereka. Suasana ini seterusnya akan menimbulkan pertelingkahan antara suami dan isteri yang akhirnya membawa kepada perceraian.

Setelah meneliti statistik kes-kes perceraian yang berlaku di luar Mahkamah dan tanpa kebenaran Mahkamah untuk kajian ini, serta temuramah dengan pegawai Mahkamah, maka dalam penulisan ini dirumuskan faktor-faktor perceraian secara umum serta membuat saranan-saranan sebagai langkah mengatasinya. Segala saranan dan cadangan ini mungkin dapat meminimalkan peratusan berlakunya perceraian di negeri Selangor serta mengurangkan kes-kes tertangguh di Mahkamah Syariah di negeri Selangor. Selain itu, dapat membantu pihak Jabatan Agama Islam menilai semula langkah-langkah yang telah dijalankan supaya kes-kes perceraian luar Mahkamah dapat dikenakan tindakan seperti yang telah ditetapkan dalam seksyen 124 EUKIS. Denda yang dikenakan juga perlu dikaji semula supaya peruntukan tersebut lebih praktikal dan berkesan. Apabila tindakan tersebut dijalankan dengan berkesan, akan memberi pengajaran kepada pasangan yang ingin melakukan perceraian agar mengikut prosedur dan undang-undang yang telah dikuatkuasakan.

## BIBLIOGRAFI

- Abu Bakar Ahmad Ibn Husain (1353H), *Al-Sunan Al-Kubra*, 7 j. Beirut: Darul Fikr.
- Abd Rahman al-Jaziri (1969), *Al-Fiqh al-Mazāhib al-Arba`ah*. Beirut: Maktabah al-Tijārah al-Kubra.
- Abū `Abdullah Muḥammad Yazīd (t.t), *Sunan Ibn Majah*. 1 j.
- Ahmad Ibrahim dan Ahilemah Joned (1992), *Sistem Undang-Undang Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka
- Aḥmad Maḥmūd al-Syāfi`ī (1994), *Al-Ṭālāq wa Ḥuqūq al-Aulād wa Nafaqah al-Aqārib fī al-Syariah al-Islāmiah*. Miami: Dārul Huda Lilmatbuāt.
- Dawoud El-Alami and Doreen Hinchcliff (1996), *Islamic Marriage and Divorce Laws in Middle East*: The Hague.
- H.Oemar Bakri(1998), *Tafsir Rahman*, Kuala Lumpur:Victory Agencie.,
- H.Sulaiman Rasjid, (1984), *Fiqh Al-Islami*. Jakarta: Kurnia Esa.
- Ishak Din, Prof.Dato`Dr.Haron Din, Dato`Abu Hassan Din Al-Hafiz, (1992), *Soal Jawab Fiqh Harian*, Selangor : Hizbi
- Ibn Qudāmah, (t.t), *Al-Mughnī li Ibn Qudāmah*, juz. 5. Maktabah al-Jumhuriyyah Al-`Arabiyyah
- Ibn Rushd, Abu al-Walid Muhammad bin Ahmad (1389H), *Bidāyah al-Mujtahid Wa Nihāyat al-Muqtasid*, juz.2. Kaherah: Maktabat al-Kulliya al-Azhariyyah.
- Kasani al-Imam al- Addin, Al- (t.t.), *Al-Bada`i. al-Sana`i Fi Tartīb al-Syar`i*. Mesir: Matba`ah al-Syarikah al-Islamiyyah.
- Mahmood Zuhdi Hj.Ab Majid, Rainah Hj. Azahari (1989), *Undang-Undang Keluarga Islam- Konsep Dan Perlaksanaannya Di Malaysia*. Kuala Lumpur : Akademi Islam, Universiti Malaya.
- Mahmood Zuhdi Hj Ab Majid (1988), *Sejarah Pembinaan Hukum Islam*. Kuala Lumpur: Jabatan Penerbitan Universiti Malaya.
- Mat Saad bin Abd. Rahman (1993), *Undang-Undang Keluarga Islam: Aturan Perkahwinan*. Shah Alam : Pustaka Hizbi.
- Paul Bohannan (1976), *Divorce And After*. New York: Doubledual.

Sabūnī, Al-`Abdul Rahman (t.t.), *Mada Hurriyat al-Zarjaini Fi Talāq*. 5 j. Darul Fiqh.

Syafi`e, Al-Mohammad bin Idris (t.t.), *al-Umm*. 3 j.

Syarbinī, Al-Khātib (t.t.), *Mughnī Muntaj*. 3 j.

William H. Kephart (1967), *The Family, Soceity And The Individual*. Boston: Houghton Mettle Company.

Zuhailī, Al-Wahbah (1405H), *al-Fiqh al-Islami Wa Adillatuhū*: Damsyiq.

Surat Pekeliling Ketua Pengarah/ Ketua Hakim Syarie, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, Bilangan 2 Tahun 2004

### **Rujukan Akhbar**

Utusan Malaysia, 25 Julai 2003

Utusan Malaysia, 26 Disember 2006

### **Rujukan Internet**

Persatuan Peguam Syarie Malaysia, <http://www.peguamsyarie.org>, 7 Januari 2008.

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, <http://www.e-fatwa.gov.my/jakim>, 7 Januari 2008.

### **Temubual**

Temubual dengan Fairus Bin Jaafar, Penolong Pendaftar Mahkamah Rendah Syariah Klang, pada 07 Februari 2007

Temubual dengan Ustaz Muhammad Fuad bin Abdul Latip, Penolong Pendaftar Mahkamah Rendah Syariah Shah Alam, pada 6 Jun 08

Temubual dengan Ustaz Haji Haron bin Ibrahim, Pegawai Unit Undang-Undang Pejabat Agama Islam Daerah Klang, pada 17 Julai 2008

Temubual bersama Pegawai Tadbir Agama Islam Daerah Klang, pada 06 Februari 2007.

Temubual bersama Siti Aminah Binti Hussain, Penolong Pendaftar Mahkamah Rendah Syariah Petaling Jaya, pada 13 Februari 2007



## LAMPIRAN